

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"KUALITI guru pada hemat beta mencakupi beberapa perkara pokok, iaitu peribadi yang baik untuk diteladani oleh pelajar, sikap ikhlas, cekap dan kaya ilmu untuk mendidik para murid atau pelajar menjadi insan yang berpengetahuan dan berakhlak mulia."

- Titah Sempena
Majlis Sambutan
Hari Guru Ke-22.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH : adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal yang dapat memikir dan memahaminya."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az Zumar, ayat 9).

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.39

SUBUH
4.49

SYURUK
6.07

DUHA
6.29

ZUHUR
12.09

ASAR
3.23

MAGHRIB
6.09

ISYAK
7.18

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 61 / BILANGAN 121

8 OKTOBER 2016 / 1438 7 محرم

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berkenan menerima mengadap PM Thailand



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Bangkok, Thailand

BANGKOK, THAILAND, Khamis, 6 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan memotong kek sempena Ulang Tahun Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri yang disempahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha dan isteri.

Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-O-Cha dan seterusnya berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand dan isteri.

Majlis Menerima Mengadap dan Majlis Santap Malam tersebut berlangsung di The St. Regis Bangkok Hotel, Bangkok.

Majlis Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri oleh Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha dan isteri telah diadakan di Bilik Astor Room 2, The St. Regis Bangkok Hotel.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-O-Cha. Semasa Majlis Menerima Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan TYT Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha berbincang mengenai hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand serta bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan
Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelita.brunei.gov.bn

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil'alameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa
Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

BETA bersyukur kerana dapat bersua muka dengan para penuntut dan juga warga Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di sini. Beta berharap, semuanya akan berada dalam keadaan baik-baik belaka dengan beroleh kejayaan di bidang masing-masing.

Beta difahamkan bahawa seramai 541 orang pelajar kita sedang menuntut di Malaysia dalam pelbagai bidang. Jumlah ini meningkat dari 471 orang pada tahun 2015. Beta sangatlah gembira dengan peningkatan ini.

Khusus kepada para pelajar, mereka janganlah sekali-kali lupa akan tujuan asasi mereka berada di sini. Mereka perlu fokus kepada perkara akademik, lebih daripada yang lain-lain. Mereka tidak boleh membuang-buang masa begitu saja tanpa berkaitan dengan pengajian.

Gunakanlah semua peluang untuk membina sahsiah dan jati diri. Inilah masanya untuk bertanam benih, di mana kelak, dari benih tersebut akan dipetik pula buahnya.

Benih yang disemai atau ditanam, biarlah benih yang baik, bukan benih yang tidak baik. Kita perlu pastikan ini, untuk mendapatkan hasil yang benar-benar baik serta memuaskan.

Para pelajar mestilah bijak menilai dan memilih sesuatu. Pilihlah yang terbaik, sambil menolak yang tidak baik. Salah satu pilihan terbaik misalnya, ialah memilih untuk menjadi 'siswazah patriotik'.

Istilah 'patriotik' sangat mudah dan ringan disebut. Tetapi untuk menjadikannya kenyataan, belum tentu semudah menyebutnya. Ia memerlukan azam dan pendekatan mantap.

Pendekatan boleh saja dipelajari dari mana kita menimba ilmu. Sementara azam pula adalah tumbuh dari dalam diri sendiri.

Selain dari pendekatan dan azam, landasan untuk kita jalani juga adalah mustahak dikenal pasti. Maksud beta dengan landasan itu, ialah 'acuan' atau calak yang hendak dipakai.

Bagi kita orang-orang Brunei, landasan atau acuan atau calak itu ialah MIB. Dalam makna, apa-apa jua yang tumbuh dan lahir daripada kita, adalah acuan atau calaknya tidak lain dari MIB.

Gunakan acuan atau calak ini di dalam kehidupan di mana saja. Jangan ia ditukar ganti dengan yang lain-lain.

Di bidang budaya umpamanya, kita boleh saja mengetahui atau mengenali budaya orang lain, selaku ianya satu cabang ilmu. Tetapi hanyalah setakat mengetahui atau mengenali sahaja, bukan untuk memakainya. Adapun untuk dipakai, hanyalah budaya kita sendiri, yang acuannya MIB.

Begitu juga dalam ugama atau amalan berugama, kita boleh saja melihat, mendengar dan membaca cara-cara orang lain berugama atau mengamalkan ugama, tetapi bagi orang-orang Brunei sendiri, cara-cara itu hendaklah dirujuk kepada acuan MIB, yang telah menentukan ugama itu sebagai : Ugama Islam menurut aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Para penuntut atau para pelajar khususnya,

Pilih untuk jadi 'siswazah patriotik'



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Para Penuntut Negara Brunei Darussalam di Malaysia sempena Keberangkatan Baginda ke Malaysia pada 3 Muharam 1438 Hijrah bersamaan 4 Oktober 2016 Masihi di Grand Hyatt Hotel, Kuala Lumpur.

perlulah tahu membezakan semua ini. Kerana jika tidak, mereka mungkin akan dibolosi oleh pengaruh-pengaruh yang tidak diinginkan.

Pengaruh-pengaruh itu, pastinya adalah merugikan, bukan sahaja kepada penuntut dan pelajar sendiri, malahan juga, berpotensi untuk menjejaskan negara. Apa tidaknya, kalau pengaruh itu misalnya, bertentangan dengan pegangan dan amalan kita selama ini, tidakkah dengan kehadirannya itu, boleh menjadi duri di dalam daging kepada semua, kepada bangsa dan negara?

Penuntut atau pelajar bukanlah tempat untuk bertanam pengaruh-pengaruh yang tidak baik, tetapi mereka lebih diperlukan untuk mempromosikan jati diri yang hebat dan pengalaman-pengalaman menarik kepada masyarakat. Mereka juga seharusnya menjadi pencetus kepada idea-idea besar, serta sekali gus menjadi pemilik kepada bakat-bakat dan aspirasi global.

Inilah sifat-sifat para penuntut atau pelajar yang kita harap-harapkan, untuk mengemudi negara di masa hadapan. Tanpa sifat-sifat ini, mereka tidak akan mampu untuk berbuat apa-apa yang hebat atau yang

besar untuk negara.

Kerana itu, beta ingin menekankan di sini, supaya para penuntut atau pelajar kita janganlah melihat diri mereka hanya sebagai penuntut atau pelajar semata-mata, tetapi lebih jauh dari itu, mereka juga perlu melihat diri mereka sebagai calon pemimpin untuk masa depan.

Jika ada persepsi yang demikian ini di kalangan para penuntut atau pelajar kita, maka barulah ada harapan untuk ditunggu satu 'keupayaan besar' bakal menjelma.

Kalau sedikit masa dahulu kita sudah berjaya menghasilkan teknokrat untuk membangunkan negara secara fizikal, maka kini dan masa mendatang, keperluan adalah berbeza, menghendaki kita mesti memiliki pula bakat lebih besar untuk menghadapi keadaan-keadaan lebih mencabar.

Setakat ini sahaja amanat ringkas beta, dan untuk akhirnya beta berdoa semoga sekalian yang hadir ini diberkati oleh Allah dengan kebahagiaan dan kejayaan. Amin.

Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

8 OKTOBER 2016 BERSAMAAN 1438 محرم 7

MIB CALAK KITANI

PARA pelajar atau penuntut merupakan salah satu dari tulang belakang pembangun, pemaju, pentadbir, pelindung dan pejuang bagi masa depan negara kita Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, para pelajar jangan lupa akan tujuan asasi mereka, iaitu untuk fokus pada perkara akademik, lebih dari yang lain-lain. Mereka tidak boleh membuang masa pada perkara yang tidak ada kaitan dengan pengajian.

Semua peluang yang ada perlu digunakan untuk membina sahsiah dan jati diri. Inilah masanya untuk bertanam benih, di mana kelak, dari benih tersebut akan dipetik pula buahnya. Benih yang disemai atau ditanam, jika benih yang baik, pastikan akan mendapatkan hasil yang benar-benar baik serta memuaskan dan bukan sebaliknya.

Dalam membuat pilihan, para pelajar mestilah bijak untuk menilai dan memilih sesuatu. Pilihlah yang terbaik sambil menolak yang tidak baik. 'Siswazah patriotik' merupakan salah satu pilihan terbaik. Untuk menyebut istilah 'patriotik' sangat mudah dan ringan, namun untuk merealisasikan belum tentu semudah menyebutnya. Ia memerlukan azam dan pendekatan mantap.

Azam perlu tumbuh dari dalam diri sendiri, manakala pendekatan boleh saja dipelajari dari mana kita menimba ilmu. Selain dari pendekatan dan azam, landasan untuk kita jalani juga mustahak dikenal pasti. Maksud landasan itu ialah 'acuan' atau calak yang hendak dipakai.

Bagi orang-orang Brunei, landasan atau acuan atau calak itu ialah MIB. Dalam makna, apa-apa jua yang tumbuh dan lahir daripada kita, adalah acuan atau calaknya tidak lain dari MIB. Gunakan acuan atau calak ini di dalam kehidupan di mana saja. Jangan ia ditukar ganti dengan yang lain-lain.

Kita boleh saja mengetahui atau mengenali budaya orang lain sebagai satu cabang ilmu dan hanyalah setakat mengetahui atau mengenali sahaja, bukan untuk memakainya. Apa yang hendak diguna pakai, hanyalah budaya kita sendiri, acuannya MIB.

Begitu juga dalam ugama atau amalan berugama, kita boleh saja melihat, mendengar dan membaca cara-cara orang lain berugama atau mengamalkan ugama, tetapi bagi orang-orang Brunei sendiri, cara-cara itu hendaklah dirujuk kepada acuan MIB, iaitu agama Islam menurut aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Para penuntut mungkin saja akan dibolosi oleh pengaruh-pengaruh yang tidak diinginkan jika gagal mengetahui dan membezakan semua itu. Pengaruh-pengaruh itu, pastinya merugikan, bukan sahaja kepada penuntut sendiri, malahan juga, berpotensi untuk menjejaskan negara. Apa tidaknya, jika pengaruh baharu itu bertentangan dengan pegangan dan amalan kita selama ini, sudah pasti akan menjadi duri di dalam daging pada semua, iaitu pada bangsa dan negara?

Penuntut bukan tempat untuk bertanam pengaruh-pengaruh yang tidak baik, tetapi mereka lebih diperlukan untuk mempromosikan jati diri yang hebat dan pengalaman-pengalaman menarik kepada masyarakat. Mereka juga pencetus pada idea-idea besar sekali gus pemilik pada bakat-bakat dan aspirasi global.

Inilah antara sifat para penuntut yang diharapkan oleh negara, iaitu untuk mengemudi negara pada masa hadapan. Tanpa sifat-sifat itu, mereka tidak akan mampu untuk berbuat apa-apa yang hebat atau besar untuk negara. Para penuntut kita, janganlah melihat diri mereka hanya sebagai penuntut semata-mata, tetapi lebih jauh dari itu, mereka juga perlu melihat diri mereka sebagai calon pemimpin untuk masa depan.

Jika ada persepsi demikian dalam kalangan para penuntut, barulah ada harapan untuk ditunggu, satu 'keupayaan besar' bakal menjelma. Kalau dahulu kita sudah berjaya menghasilkan teknokrat untuk membangunkan negara secara fizikal, maka kini dan masa akan datang, keperluan adalah berbeza, menghendaki kita mesti memiliki pula bakat lebih besar untuk menghadapi keadaan-keadaan lebih mencabar.

Fokus pada perkara akademik, jangan buang masa pada perkara tidak berkaitan, gunakan peluang bina sahsiah juga jati diri kerana ini masa bertanam benih untuk dipetik kelak, pastikan benih yang dihasilkan sesuatu yang benar-benar baik lagi memuaskan. Azam tumbuh dari diri sendiri, pendekatan boleh dipelajari, landasan mustahak dikenali, iaitu landasan, acuan, calak MIB kitani. Pengaruh boleh saja membolosi, berpotensi untuk menjejaskan negara merugikan diri, pelajar perlu promosi jati diri, tidak kurang juga pengalaman menarik sama dikongsi. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

Ramalan Cuaca 3 Hari			
SABTU	AHAD	ISNIN	
BANDAR SERI BEGAWAN			
32°C 25°C	32°C 24°C	32°C 25°C	
MUARA			
32°C 25°C	32°C 24°C	32°C 25°C	
PEKAN BANGAR			
32°C 25°C	31°C 24°C	32°C 25°C	
PEKAN TUTONG			
32°C 25°C	33°C 24°C	32°C 25°C	
PEKAN SERIA			
32°C 25°C	31°C 24°C	32°C 25°C	
KUALA BELAIT			
32°C 25°C	31°C 24°C	32°C 26°C	

Walaupun bersejarah, Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pembangunan dan e-darussalam

Talian Cuaca 114

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi OKTOBER	HARI	Hijrah MUHARAM	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	SABTU	7	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
9	AHAD	8	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
10	ISNIN	9	4.39	4.49	6.06	6.29	12.08	3.23	6.08	7.18
11	SELASA	10	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
12	RABU	11	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
13	KHAMIS	12	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17
14	JUMAAT	13	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
123
2380214

Berkenan menerima mengadap PM Thailand



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam semasa berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha.

Dari muka 1

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.

Rombongan TYT Perdana Menteri Thailand termasuk Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Tuan Yang Terutama Jeneral Prawit Wongsuwan; Menteri di Kementerian Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Don Pramudwinai dan isteri; Menteri Tenaga, Tuan Yang Terutama Jeneral Anantaporn Kanjanarat; Menteri Industri, Puan Yang Terutama Atchaka Sibunruang dan Setiausaha kepada Perdana Menteri, Jeneral (B) Wilas Aroonsri.

Semasa Majlis Menerima Mengadap tersebut, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan TYT Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha berbincang mengenai hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand serta bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya berkenan beredar bersama-sama dengan TYT Perdana Menteri Thailand dan isteri bagi Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh TYT Perdana Menteri Thailand dan isteri.

Acara Majlis Santap Malam tersebut dimeriahkan lagi dengan pesambah berupa kek puja usia yang disembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri oleh Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha dan isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-O-Cha. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri semasa berkenan berangkat bersama-sama dengan Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-O-Cha dan isteri pada Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh TYT Perdana Menteri Thailand dan isteri.



TURUT hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri di JPM dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Berangkat meninggalkan Bangkok



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali
dari Bangkok, Thailand

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda semasa doa dibacakan sebelum berangkat balik.

BANGKOK, THAILAND, Jumaat, 7 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat meninggalkan Bangkok, Thailand.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman, Doa Selamat dibacakan oleh

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat sama semasa Doa Selamat tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada para petugas sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai Negara Brunei Darussalam yang bertugas di Bangkok, Thailand (atas).

MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned membacakan Doa Selamat.

Selamat berangkat tiba di Bangkok



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima tabik hormat ketika berangkat melintasi kawalan kehormatan statik sejurus tiba di Military Air Terminal 2, Bangkok (atas). Sementara gambar kanan, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Military Air Terminal 2 dijunjung oleh Timbalan Perdana Menteri Thailand dan Menteri Pertahanan Thailand, Tuan Yang Terutama General Prawit Wongsuwon, selaku wakil Kerajaan Thailand.

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 5 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam selamat berangkat tiba di Bangkok, Thailand bagi menghadiri Sidang Kemuncak Dialog Kerjasama Asia (ACD) Kedua yang akan diadakan pada 9 hingga 10 Oktober di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Thailand.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Military Air Terminal 2, Bangkok dijunjung oleh Ahli Majlis Di-Raja, Tuan Yang Terutama Atthaniti Disantha-amnarj dan Timbalan Perdana Menteri Thailand dan Menteri Pertahanan Thailand, Tuan Yang Terutama General Prawit Wongsuwon, selaku wakil Kerajaan

Thailand; dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Thailand.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Awang Haji Ismail bin Haji Manap dan isteri.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan berangkat melintasi kawalan kehormatan statik sebelum menaiki kenderaan khas menuju ke sebuah hotel temama di Bangkok, tempat persemayaman baginda di sepanjang keberangkatan ke Sidang Kemuncak ACD Kedua.

ACD adalah satu inisiatif yang mengumpulkan 34 buah negara di Asia merangkumi dari Timur Tengah melalui Asia Tengah, Asia Tenggara dan Timur Laut Asia untuk menangani cabaran serantau dan global dan bekerja bersama-sama ke arah kebaikan bagi komuniti Asia.



PADUKA-PADUKA anakanda dan adinda baginda ketika berangkat tiba di Military Air Terminal 2, Bangkok dan di hotel persemayaman sepanjang berada di Bangkok, Thailand (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali dari Bangkok, Thailand



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima junjung ziarah sejurus keberangkatan tiba di tempat persemayaman sepanjang keberangkatan di Bangkok.



Berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji
Tengah dari Kuala Lumpur, Malaysia

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Rabu, 5 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia setelah selesai menghadiri Rundingan Tahunan Ke-20 di antara Ketua-Ketua Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dan menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Malaysia.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja di Pangkalan Udara Subang dijunjung oleh Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Anifah bin Haji Aman dan isteri.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya dijunjung berangkat ke VIP Room.

Di Bilik VIP Room tersebut, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah berupa Album Kenangan sempena keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Malaysia.

Sebelum berangkat menaiki pesawat khas, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik.

Berada di Pangkalan Udara Subang bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Anifah bin Haji Aman dan isteri; Menteri Kesejahteraan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam menadah tangan semasa doa dibacakan sebelum berangkat balik.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan melintasi kawalan kehormatan sebelum berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia (atas), sementara gambar atas kanan, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah berupa Album Kenangan sepanjang lawatan rasmi selama tiga hari di Kuala Lumpur, Malaysia.



MENINGRINGI keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Omar, selaku Menteri Pengiring dan isteri; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman dan isteri; serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Malaysia.

Turut hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd Yusof; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Gigadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha dan datin; serta para pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur.



JUGA turut mengiringi keberangkatan baginda berdua ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Berkenan rasmikan Pesta Konvo UBD



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pesta Konvo 2016 sempena Majlis Konvokesyen Ke-28 UBD.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

TUNGKU, Khamis, 6 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pesta Konvo 2016 sempena Majlis Konvokesyen Ke-28 UBD.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Learning Commons di Perpustakaan universiti berkenaan dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Majlis terdahulunya dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan sabda perasmian Pesta Konvo UBD 2016 yang bertemakan 'Kejayaan Melalui Keharmonian, Ilmu Pengetahuan, dan Daya Ketahanan' (Success Through Harmony, Knowledge and Resilience).

Pemilihan tema tersebut bagi menjunjung sabda DYTMM dalam hasrat untuk melahirkan belia yang berkemampuan, cekal, berani dan bijak serta berilmu pengetahuan yang relevan, di samping mempunyai moral dan keimanan yang kuat sebagai belia Islam melalui ajaran-ajaran Al-Quran dan Sunnah, bagi menjadi kunci kepada progres dan kemajuan sosioekonomi masyarakat serta keharmonian serantau melalui platform rangkaian dan perkongsian kepakaran belia-belia ASEAN.

DYTMM kemudiannya berkenan berangkat menyaksikan Pameran Pesta Konvo 2016 yang mempamerkan pelbagai projek dan hasil penyelidikan inovatif

para pelajar yang digambarkan melalui pameran projek-projek mahasiswa-mahasiswi, di mana UBD telah memilih projek-projek yang *leading edge* dan dapat membawa UBD ke masa hadapan selain turut mempunyai nilainya yang tersendiri.

Antara projek-projek yang dipamerkan seperti gulintangan robotik, demonstrasi *bioelectricity generation* dari tumbuhan air, Pemetaan Creative Industries, Pirolisis Spesies Acacia untuk menghasilkan *biofuel* dan produk bio yang lain serta pelbagai jenis pameran yang lain yang dijayakan melalui kerjasama berpasukan, serta menerusi keazaman dan iltizam para pelajar untuk menghasilkan produk projek mereka yang diharap akan dapat menyumbang kepada perkembangan masa depan dan ekonomi Brunei.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTMM berkenan menerima pesambah daripada Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi UBD (PMUBD) dan seterusnya dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan junjung ziarah bersama para mahasiswa dan mahasiswi UBD.

Sepanjang Pesta Konvo tersebut berlangsung, pelbagai aktiviti diatitkan antaranya Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran, Graduate Showcase, Kejohanan Piala Badminton di antara Fakulti 2016, Kejohanan Piala Bola Keranjang 2016, Majlis Makan Malam UBD, Acara Convo Run and Cycle, Pertandingan Video Klip Islam bagi Mahasiswa UBD serta beberapa acara persembahan dan acara-acara kebudayaan yang lainnya.

Pesta Konvo 2016 itu diadakan bagi meraikan kejayaan para mahasiswa dan mahasiswi UBD yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing di samping meraikan kejayaan dalam meningkatkan keterampilan mereka menjadi graduan yang penuh inspirasi, kreatif dan inovatif yang sentiasa bersiaga untuk menghadapi cabaran dunia sebenar.

Sementara, Pameran Pesta Konvo 2016 berkenaan mula dibuka bagi kunjungan orang ramai dan para pelajar selama dua minggu sehingga 22 Oktober ini.

Lumapas kaya dengan fosil batu karang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan dan Pro Canselor UBD berkenan disambatkan taklimat semasa membuat lawatan pada Pameran Pesta Konvo UBD 2016.

TUNGKU, Khamis, 6 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat menyaksikan Pameran Pesta Konvo UBD 2016 di Learning Commons di Perpustakaan universiti berkenaan, di sini.

Pada pameran tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung untuk menyaksikan pelbagai pameran menarik yang mengetengahkan hasil usaha dan kreativiti para graduan dalam menonjolkan kebolehan, kreativiti, kemahiran, keusahawanan dan inovasi para graduan selain turut memberikan gambaran mengenai kegiatan akademik UBD bagi dari segi pembelajaran, penyelidikan atau perkhidmatan yang diharap akan dapat memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat.

Antara pameran yang ditonjolkan ialah Pemetaan Industri Kreatif di Brunei Darussalam, Pirolisis Spesies Acacia bagi penjaan produk tambahan nilai seperti



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan menerima pesambah daripada Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi UBD (PMUBD).

biobahan api dan produk-produk bio, menjana tenaga bioelektrik melalui tanaman, penjernihan air menggunakan activated carbon, fosil-fosil purba di Brunei

Darussalam, SGRA, projek kolaborasi pertama mahasiswa-mahasiswi ASEAN (ASCP) dan gulintangan robotik.

Ke muka 8



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan dan Pro Canselor UBD ketika berkenan bergambar ramai.

Dari muka 7

Dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial melalui hasil kolaborasi mahasiswa-mahasiswi dan staf akademik di bawah Program Creative Arts telah menghasilkan satu Peta Industri Kreatif di Brunei Darussalam yang mana sebelum ini semua analisis data adalah berdasarkan anekdot dan komunikasi lisan sahaja, dan peta ini akan dapat menghasilkan satu analisis yang lengkap dalam konteks Brunei yang mana akan dapat memberikan manfaat kepada penggubal dasar, industri, artis dan para usahawan di samping memberikan impak penting dalam pewujudan strategi, dasar dan tindakan bagi industri kreatif di Brunei Darussalam.

Sementara itu, Institute of Biodiversity and Environmental Research mempamerkan projek Pirolisis Spesies Acacia bagi penjaan produk tambahan nilai yang bertujuan untuk menghasilkan biotena melalui penghasilan biobahan api dan produk-produk bio yang lain.

Ini dilakukan menerusi proses pirolisis biojisim daripada spesies Acacia yang tumbuh secara berlebihan di seluruh hutan Brunei Darussalam, di mana Acacia juga terkenal sebagai satu spesies invasif dan telah didapati menjadi satu ancaman yang serius bagi biodiversiti negara.

Projek itu akan menyediakan satu penyelesaian mesra alam menggunakan Acacia bagi menghasilkan biotena, yang akan dapat membantu mengurangkan kadar pengeluaran karbon dioksida kepada persekitaran, selain ia juga akan membantu dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara dengan menyediakan peluang pelaburan baru dan pekerjaan.

Dalam usaha pencarian sumber tenaga hijau yang berterusan, penyelidik daripada Fakulti Sains dalam pameran mereka Menjana Tenaga Bioelektrik melalui Tanaman sedang mengkaji satu penyelesaian di mana tenaga dihasilkan dari tanam-tanaman hidup dengan cara yang setentunya mesra alam sekitar.

Bahan organik yang dihasilkan melalui fotosintesis sesuatu tanaman itu dapat disalurkan sebahagiannya kepada akar, dan secara semula jadi

mikro organisma sekitar akar tersebut akan meruntuhkan sebatian organik ini untuk menghasilkan elektron sebagai satu produk sisa yang dapat dituai sebagai bekalan elektrik, tanpa menjejaskan atau memberi kesan negatif kepada tanaman tersebut.

Elektrik bersih itu boleh dihasilkan di seluruh dunia, dalam kawasan belakang rumah atau dalam mana-mana tanah lembap yang sesuai, termasuk kawasan padi.

Manakala menerusi pameran projek penjernihan air menggunakan *activated carbon* melalui hasil kolaborasi bersama Fakulti Sains menunjukkan demonstrasi bagai-mana *activated carbon* dapat digunakan untuk menyucikan air yang berwarna.

Activated carbon adalah digunakan berdasarkan keporosannya yang tinggi, penyerapannya yang cepat dan kestabilan haba yang cemerlang.

Penggunaan *activated carbon* dihasilkan dari arang buluh dan kajian morfologi, di mana pengimbasan mikroskopi elektron telah menunjukkan *activated carbon* mempunyai nisbah luas permukaan kepada isi padu dan keporosan yang lebih besar berbanding dengan arang buluh.

Data dari *energy-dispersive sinar-x spectroscopy* dan belauan sinar-x selanjutnya juga menunjukkan komposisi kimia dan struktur hablu bagi kedua-dua *activated carbon* dan arang buluh, selain *activated carbon* juga menambah nilai kepada arang buluh dan proses penambahan nilai ini dicapai dengan peralatan yang khusus.

Oleh kerana sistem itu tidak memerlukan sumber tenaga luar (seperti elektrik), maka ia dihasratkan dapat membantu mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman di mana sumber air yang bersih agak sukar diperolehi.

Projek tersebut juga turut merakamkan penghargaan terhadap usaha sama Awang Muhammad Nasruddin bin Haji Sulaiman (penerima Sultan's Scholar, University of Oxford) sebagai pelajar penempatan sementara di CAMES dan Awang Suhardi bin Haji Mohd. Said (juruteknik makmal CAMES).

Turut menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia ialah Pameran Fosil-Fosil Purba di Brunei Darussalam, yang mana turut

diperjelaskan bahawa jalan yang paling biasa untuk belajar ekologi dan fisiologi organisma-organisma purba yang kini telah pupus adalah dengan menyiasat ekologi dan fisiologi saudara moden mereka.

Fosil yang dikutip di Brunei setakat ini menggambarkan dua persekitaran yang berbeza: batu karang yang bercapuk-capuk dan dasar laut berlumpur yang cetek.

Terumbu fosil yang ditemui baru-baru ini di Lumapas adalah amat kaya dengan batu karang, span, landak laut dan telah menghasilkan pelbagai jenis *microfossils* dan contoh endapan berlumpur yang kaya dengan fosil yang ada di rantau Tutong (Bukit Ambuk) mengandungi jumlah moluska, ketam, bangkai-bangkai ikan dan *microfossils* yang luar biasa.

Ini juga membuktikan kekayaan Brunei dalam *paleodiversity* kerana fosil-fosil yang ditemui itu belum pernah ditemui di tempat lain sebelumnya, dan penemuan ini akan dapat membenarkan kita mengkaji bagaimana biodiversiti Brunei telah berubah mengikut aliran masa dan pembinaan semula garis Pantai Brunei, yang memberikan implikasi kepada pencarian minyak.

Manakala melalui hasil rekaan pelajar tahun dua, UBD School of Business and Economics yang bertajuk SGRA telah berjaya menghasilkan satu aplikasi pertolongan cemas yang mana akronim SGRA adalah diperolehi dari perkataan *Segera*, yang bermaksud cepat.

Konsep tersebut telah digunakan untuk satu aplikasi pertolongan cemas dan prototaip teknologi itu dapat disimpan di dalam sesebuah kenderaan dan direka untuk menghantar notifikasi segera kepada agensi penyelamat yang relevan sekiranya kenderaan itu terlibat di dalam sesuatu kemalangan atau situasi kecemasan yang lain, dan konsep itu telah memenangi tempat pertama dalam 2015 IGNITE Entrepreneurship Challenge Open Category pada November tahun lalu.

Sementara itu, menerusi Projek Kolaborasi Pertama Mahasiswa-Mahasiswi ASEAN (ACSP) dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah (PAPRSB IHS) projek mengetengahkan projek kolaborasi yang pertama pernah dibuat bersama-sama semua institut



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menyaksikan fosil yang dipamerkan melalui peralatan mikroskop pada pameran tersebut.

perubatan utama di rantau ASEAN.

Ia bertujuan untuk membina rangkaian persahabatan dan kolaborasi, meningkatkan mutu pendidikan perubatan dan penjagaan kesihatan dan saling membantu dalam pembangunan kapasiti, di samping bekerjasama sebagai satu masyarakat ASEAN dalam pembangunan pendidikan perubatan, penyelidikan dan program pertukaran.

Projek tersebut disertai oleh pelajar-pelajar perubatan dari 12 universiti dari negara-negara ASEAN, termasuk lima pelajar dari UBD dan diadakan di Bogor, Indonesia pada Julai 2016, yang mana setiap wakil negara telah melaksanakan dan menyampaikan projek kemasyarakatan masing-masing.

Dari Brunei, mahasiswa dan mahasiswi Perubatan PAPRSB IHS UBD telah mempamerkan projek kemasyarakatan mereka di mana mereka telah membantu satu masyarakat di Kampung Sukang.

Mereka menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada masyarakat kampung dan mempromosikan kesedaran akan pentingnya gaya hidup sihat, yang dapat dicapai melalui permakanan sihat, aktiviti

fizikal, kebersihan asas, pengurusan penyakit-penyakit tidak teruk dan yang kronik., selain itu mereka juga telah membantu menyediakan penduduk-penduduk kampung dengan kemahiran-kemahiran asas bantuan kehidupan.

Dan pada akhir pameran turut mendapat tumpuan dan perhatian Duli Yang Teramat Mulia ialah Projek Gulintangan Robotik yang merupakan satu teknologi yang inovatif, yang direka untuk mensimulasikan seseorang yang sedang bermain alat-alat muzik tradisional.

Robot berkenaan dibina dalam masa sembilan bulan, yang mana tangan robot itu telah diprogram untuk bermain secara berterusan bagi membantu untuk meningkatkan dan mengekalkan kualiti persembahan.


Inovasi tersebut akan dapat membantu untuk menghalang kepupusan alat-alat muzik dan lagu-lagu tradisional dan seterusnya dapat menukar perspektif generasi muda terhadap muzik tradisional.

Produk itu hasil daripada ujian dan kajian yang rapi, serta konsultasi dari pakar-pakar yang juga dihasratkan agar robotik itu akan dapat menjadi satu arah baharu bagi generasi akan datang.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan disebarkan taklimat mengenai gulintangan robotik pada Pameran Pesta Konvo UBD 2016.

Berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran Penubuhan YSHHB Ke-24



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-24 Penubuhan YSHHB.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Oktober. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-24 Penubuhan YSHHB.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Kompleks Bangunan YSHHB, di ibu negara dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Hakim Syari'e, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan seterusnya bacaan Doa Kesyukuran sempena sambutan berkenaan.

Hadir sama pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Timbalan Pengerusi II Lembaga Pengarah YSHHB.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Ahli-ahli Lembaga Pemegang

Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA), pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.

YSHHB ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah DYMM Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1992.

Penubuhannya juga adalah sebagai wadah amal jariah dan derma khairat Kebawah DYMM

dan keluarga baginda yang juga merupakan sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyatnya serta menjadi pembentukan masyarakat di negara ini yang sejahtera dan makmur.

Dalam dekad pertama, YSHHB telah mengusahakan pelbagai rancangan, projek dan aktiviti selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya iaitu meliputi bidang agama, kebajikan, pendidikan, pembangunan dan kewangan.

Selain itu, YSHHB terus melipatgandakan usahanya dalam memasuki dekad kedua dan mengambil inisiatif baharu dalam

menghadapi keadaan demografi dan sosioekonomi yang sentiasa berubah dan mencabar.

Dalam memasuki dekad ketiga pula, YSHHB akan terus merancang dan mengambil langkah-langkah proaktif dan inovatif yang bersesuaian bagi meningkatkan pencapaian perancangan, projek dan aktiviti.

Sementara itu, YSHHB akan terus menghulurkan bantuan yang sesuai kepada rakyat dan penduduk di negara ini selaras dengan visinya 'Meningkatkan Kualiti Hidup serta Menuju Ke Arah Kecemerlangan Dalam Sosio-Budaya dan Sosio-Ekonomi'.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa membaca Surah Yaa Siin beramai-ramai dan seterusnya membaca Doa Kesyukuran sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-24 Penubuhan YSHHB yang dipimpin oleh Ketua Hakim Syari'e, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Masjid Hassanal Bolkiah sambut Jubli Emas 50 Tahun

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (kiri) menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada salah seorang kakitangan yang pernah berkhidmat di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong.

TUTONG, Jumaat, 7 Oktober. - Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong menyambut Sambutan Jubli Emas 50 Tahun dengan Majlis Khatam Al-Quran di masjid tersebut, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Acara khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat, dan diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim, takhtim, tahlil, dan doa khatam.

Majlis diserikan dengan penyampaian cenderamata kenang-kenangan kepada 14 orang bekas pegawai dan kakitangan yang pernah

berkhidmat di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong.

Doa Selamat dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong telah dibacakan bagi memberkati majlis.

Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong yang telah didirikan sejak sekian lama menerima pengiktirafan dan diraikan penubuhannya yang genap umur 50 tahun sekali gus membuktikan fungsi dan peranan masjid yang bukan sahaja sebagai rumah Allah untuk tempat beribadah, tetapi lebih dari itu ia sebagai institusi yang menyalurkan dan menyebarkan syiar Islam yang kukuh dan berkembang di negara ini.

Sambutan Jubli Emas ini menjadi satu tanda kejayaan dan kebanggaan jemaah bagi Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong untuk

mengenang kejayaan perkembangan masjid untuk dijadikan sebagai ristaan sejarah yang berpanjangan bagi generasi masa kini mahupun generasi yang akan datang.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; pegawai-pegawai kerajaan, pegawai hal ehwal Masjid, imam imam dan bilal-bilal di daerah Tutong, penduduk kawasan pekan Tutong, Jemaah Masjid, muslimah dan belia beliawanis.

Peserta membaca Al-Quran sehingga khatam Al Quran 30 juzuk adalah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, Jemaah Masjid, Kumpulan Belia Beliawanis dan kumpulan Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong.

Lakukan amal ibadat agar hati sentiasa suci, bersih



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Oktober. - Sempena memperingati Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Kesihatan menganjurkan Majlis Awal Tahun Hijrah 1438 yang juga diselenggarakan dengan Majlis Doa Kesyukuran

bagi kepulauan rombongan Pegawai Perubatan dan jemaah haji kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat



CERAMAH Khas disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

pada majlis yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan di sini ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Kira-kira 200 jemputan menghadiri majlis berkenaan terdiri daripada ketua-ketua, pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Majlis diserikan dengan penyampaian Ceramah Khas oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit yang antara lain menyentuh mengenai sejarah bermulanya tahun Hijrah pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Beliau turut menyentuh mengenai hijrah hati dan hijrah sembahyang iaitu jika seseorang itu mahu berhijrah ke arah kebaikan, maka mereka perlu selalu melakukan amal ibadat agar hati sentiasa suci dan bersih.

Turut disentuh ialah adab-adab yang betul ketika menunaikan solat dan melakukannya dengan sempurna tanpa tergesa-gesa.

Kementerian Kewangan raikan Awal Tahun Hijrah



PEMANGKU Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (tiga, kanan) hadir selalu tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1438 bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Oktober. - Seorang Muslim yang ingin berhijrah dalam menuju ketakwaan secara mulia dan indah,

pertama sekali dia mestilah menjalani langkah *mu'ahadah* yang bermaksud perjanjian dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh penceramah jemputan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohd. Yusof bin Haji Abdul

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Majlis semasa Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1438 bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan Commonwealth Drive, di sini.

Dalam ceramah khas yang bertajuk 'Pengajaran Dalam Memperjuangkan dan Mempertahankan Keimanan', Awang Mohd. Yusof seterusnya menambah, langkah kedua pula ialah dengan menanamkan sifat *mujahadah*, iaitu sifat bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Langkah ketiga pula terangnya, ialah *muraqabah* yang bermaksud perasaan sentiasa adanya Allah Subhanahu Wata'ala bersama dengan diri seorang mukmin sehingga dengan kesedaran ini mendorong manusia sentiasa rajin melaksanakan

perintah dan menjauhi larangan-Nya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta ayat-ayat suci Al-Quran dan disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Dayang Suraya binti Haji Jaidin, selaku Pengerusi Majlis berkenaan.

Hadir sama, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah pada tahun ini dikelolakan oleh TAP.

AMAF Ke-38 capai kemajuan di pelbagai bidang



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (paling kiri) bergambar bersama-sama Menteri Pertanian dan Perikanan ASEAN ketika Mesyuarat AMAF Ke-38.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

REPUBLIK SINGAPURA, Khamis, 6 Oktober. - Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) yang mengadakan Mesyuarat AMAF Ke-38 di bawah Pengerusi Menteri Pembangunan dan Menteri Kewangan Kedua republik berkenaan, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dalam kenyataan bersama melahirkan kegembiraan atas kejayaan dan pelaksanaan beberapa perkara yang telah dibincangkan di mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat dihadiri oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Setiausaha Tetap di KSSUP, Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Hadir sama Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Veng Sakhon; Menteri Pertanian, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Amran Sulaiman; Timbalan Menteri Pertanian dan Perhutanan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Phouang Parisak Pravongviengkham; Menteri Industri Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Kesatuan Pertanian, Ternakan dan

Saliran, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Dr. Aung Thu; Setiausaha Gerakan Jabatan Pertanian, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ariel Cayan; Menteri Pertanian dan Koperasi, Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Chatchai Sarikulya; Naib Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Ha Cong Tuan dan Timbalan Ketua Setiausaha ASEAN, Tuan Yang Terutama Lim Hong Hin.

Di bawah tajuk 'Menuju Ke Arah 2025', para menteri berasa gembira dengan kejayaan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan makanan, pertanian dan kerjasama perhutanan dalam menyokong menyiapkan Pelan Tindakan bagi Komuniti ASEAN (2009 - 2015) dan penubuhan Komuniti ASEAN, di samping mengulangi komitmen untuk meningkatkan kerjasama untuk menyumbang kepada merealisasikan Komuniti ASEAN 2025.

Para menteri juga memberikan komitmen kepada semua Kumpulan Kerja Sektor di bawah AMAF untuk melaksanakan langkah-langkah yang berkaitan dalam ASEAN 2025 : Maju ke Hadapan Bersama-sama dan Pelan Strategik bagi Kerjasama ASEAN dalam Industri Makanan, Pertanian dan Perhutanan 2016 - 2025

(SP-FAF 2016 - 2025).

Bagi merealisasikan strategik teras SP-FAF 2016 - 2025, para Menteri AMAF juga mengguna pakai Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi SP-FAF 2016 - 2025 dan Pelan Tindakan Strategik masing-masing (SPA) bagi Kerjasama ASEAN dalam Ternakan, Tanaman, Perikanan, Langkah-langkah SPS dan Kerjasama ASEAN dalam Koperasi Pertanian bagi tempoh 2016 - 2020 dan juga sebagai Pelan Tindakan Strategik bagi Kerjasama ASEAN dalam Perhutanan bagi 2016 - 2025, di samping mengambil maklum terhadap kemajuan memperkemas struktur di bawah AMAF dan menggesa pegawai-pegawai kanan untuk melengkapkan proses tersebut dan membentangkan hasil kepada AMAF untuk kelulusan *ad-referendum*.

Menyentuh mengenai keselamatan makanan para menteri menyatakan kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Rangka Kerja Keselamatan Makanan Bersepadu ASEAN (AIFS) dan Pelan Strategik Tindakan Keselamatan Makanan ASEAN (SPA-FS) 2015 - 2020, terutamanya penyelarasan merentasi sektor dalam memastikan bekalan yang mencukupi, makanan yang berpatutan, selamat dan berkhasiat dan Aktiviti Bersama bagi Kerjasama ASEAN Pelbagai Sektor Mengenai Keselamatan Makanan dan Pemakanan.

Di bawah tajuk Keselamatan dan Kualiti Produk pula, para

menteri juga merasa gembira dengan kemajuan dan pencapaian yang dibuat dalam pengharmonian piawaian makanan, pertanian dan produk perhutanan dalam ASEAN untuk memastikan hasil pertanian berkualiti selamat dan baik dan bagi memudahkan perdagangan produk-produk ASEAN ini.

Para menteri juga turut mengesahkan beberapa dokumen yang menjadi kepentingan bersama.

Menteri-Menteri AMAF seterusnya mengalu-alukan perjanjian penuh Penubuhan Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kesihatan Haiwan dan Zoonosis (ACCAHZ) dan memandang ke hadapan dengan penubuhan dan operasi pusat untuk menyediakan dan memudahkan pendekatan bersepadu dan rangka kerja yang lebih luas penyelarasan serantau, di samping menyatakan penghargaan kepada Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) di atas sokongan yang berharga dilanjutkan dalam penubuhan dan operasi ACCAHZ.

Juga menjadi perhatian Menteri-Menteri AMAF termasuklah rintangan antimikroba dalam Pertanian; Menyedari kesan luas dan buruk rintangan antimikroba (AMR) dalam bidang pertanian kepada orang ramai dan haiwan, kehidupan, keselamatan dan keselamatan makanan. Oleh itu para menteri bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama serantau dalam mitigasi AMR melalui (i) Meningkatkan kesedaran dan advokasi mengenai isu-isu AMR dan menggalakkan penggunaan berhemat antimikroba; (ii) Meningkatkan kapasiti pada pengawasan, diagnosis dan penyelidikan mengenai AMR dan penggunaan antimikrob (AMU); (iii) Menggalakkan amalan baik penternakan haiwan dan pembangunan alternatif yang berdaya maju dan (iv) kerjasama meningkatkan dengan sektor dan pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk rakan pembangunan dan agensi penderma.

Dalam Sektor Perhutanan dan Perikanan, para menteri juga mengakui terhadap beberapa kemajuan dalam dua sektor tersebut. Antara kemajuan yang dicapai di bidang Perhutanan termasuklah (i) Menggalakkan Pengurusan Hutan Lestari (SFM); (ii) Proses Dasar Perhutanan Antarabangsa; (iii) Pensijilan Inisiatif Kayu; (iv) Herba dan perubatan serta pembangunan hasil hutan; (v) Penguat

Kuasaan Hidupan Liar dan Kerjasama CITES; (vi) Hutan dan Perubahan Iklim dan (vii) Perhutanan Sosial.

Sementara kemajuan yang dicapai dalam sektor perikanan ialah dengan memberi tumpuan kepada peningkatan pengurusan perikanan yang mampan, kerjasama penyelidikan, maklumat dan data pertukaran dan kerjasama antara sektor awam dan swasta. Dalam hal ini, Menteri-Menteri AMAF menerima pakai Pelan Tindakan Pengurusan Kapasiti Memancing Serantau ASEAN (RPOA-Capacity) dan Garis Panduan Serantau mengenai Sistem Kebolehkasan untuk Produk Akuakultur di Wilayah ASEAN.

Manakala melalui Kerjasama dengan Rakan-rakan Dialog dan Organisasi Antarabangsa, Menteri-Menteri AMAF berasa gembira terhadap kerjasama dengan rakan-rakan Dialog ASEAN, terutamanya Australia, China, Jerman, India, Jepun, Republik Korea dan Rusia dengan mengukuhkan lagi bidang keselamatan makanan, keselamatan makanan, kualiti produk dan perdagangan memudahkan pertanian, perikanan dan produk perhutanan.

Para menteri juga menghargai sokongan berharga yang diberikan oleh Bank Pembangunan Asia (ADB), Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), Institut Penyelidikan Beras Antarabangsa (IRRI), Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), piawaian dan Kemudahan Pembangunan Perdagangan (STDF) Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Forum Ekonomi Dunia (WEF) - Perkembangan Perkongsian Asia bagi pelaksanaan Pelan Strategik bagi Kerjasama ASEAN dalam Makanan, Pertanian dan Perhutanan 2016 - 2025.

Mereka juga mengguna pakai Jawatan ASEAN Common, dan bersetuju untuk meningkatkan penyelarasan, mengenai isu-isu pertanian di Mesyuarat Ke-22 akan datang daripada Persidangan Pihak-Pihak (COP-22) kepada Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) pada November 2016 di Marrakesh, Maghribi.

Mesyuarat AMAF Kali Ke-39 mengenai Mesyuarat Pertanian dan Perhutanan akan diadakan Thailand pada tahun 2017.

Hayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Azmah Haji Ahad

KATOK, Khamis, 6 Oktober. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi siri Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Dewan Sekolah Menengah Katok, di sini.

Program kali ini dihadiri oleh seramai 130 pelajar Tahun 8.

Antara atur cara program tersebut termasuklah nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara', diikuti dengan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noriah binti Haji Abdul Hamid.

Objektif Taklimat Kenegaraan ini ialah untuk mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran

hidup berbangsa, beragama dan bernegara berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu, taklimat tersebut juga dihasratkan dapat menyemai perasaan cinta akan bangsa, agama, raja dan negara.

Acara ini juga dapat mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara, di samping memaparkan usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Aturcara tersebut diteruskan dengan tayangan video klip 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara' dan sesi Kuiz Kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Dayang Dona Azfina binti Ibrahim.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



PARA Pegawai Penerangan bergambar kenangan bersama pengetua, guru pengawas dan penuntut-penuntut Sekolah Menengah Katok.

Kerajaan komited menjaga kebajikan tentera veteran



PEMANGKU Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit (sembilan, kiri) bergambar ramai bersama para penerima pingat pada Majlis Perasmian Mesyuarat Lembaga Eksekutif Ke-29 Gabungan Veteran Negara-Negara ASEAN dan Perhimpunan Agung Ke-16 (Veteran Confederation of ASEAN Countries (VECONAC) 29th Executive Board Meeting and 16th General Assembly Opening Ceremony) di Hotel Centrepont, Gadong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus komited menjaga kebajikan tentera veteran dalam menyokong ke arah pencapaian sasaran pembangunan Wawasan 2035 iaitu kualiti hidup

yang tinggi.

Pemangku Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit menjelaskan demikian pada Majlis Perasmian Mesyuarat Lembaga Eksekutif Ke-29 Gabungan Veteran Negara-Negara ASEAN dan

Perhimpunan Agung Ke-16 (Veteran Confederation of ASEAN Countries (VECONAC) 29th Executive Board Meeting and 16th General Assembly Opening Ceremony) di Hotel Centrepont, Gadong.

Persatuan Bekas Perajurit (PBP) ujarnya, terus memainkan peranan aktif, menjadi penyumbang utama

kepada pembangunan negara serta perpaduan sosial yang mana pengalaman, pengetahuan dan kemahiran menjadikan mereka aset berharga bagi negara meskipun sudah bersara.

"Rasa tanggungjawab dalam melindungi negara masih kekal walaupun selepas perkhidmatan aktif

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

mereka dan ini dimanfaatkan ke arah menyokong kepentingan disiplin, patriotisme dan kesetiaan kepada generasi muda.

Keahlian mereka dalam VECONAC, adalah sangat penting sebagai akses dan platform untuk mewujudkan hubungan, berkongsi pengalaman dan amalan terbaik serta sebagai saluran untuk mengembangkan sumbangan mereka dalam memperjuangkan sebab dan tujuan mereka," terangnya.

Terdahulu sebelum itu, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz berkata, dengan keahlian seramai 5 juta orang, VECONAC telah menjadi salah satu organisasi terkenal di rantau ini.

Rasa kuat setia kawan tambahnya, jelas tidak dapat dinafikan serta semangat dan komitmen tidak ternilai yang luar biasa.

Mesyuarat VECONAC medan tentera veteran ASEAN bertukar pengalaman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Oktober. - Majlis Perasmian Mesyuarat Lembaga Eksekutif Ke-29 Gabungan Veteran Negara-Negara ASEAN dan Perhimpunan Agung Ke-16 (Veteran Confederation of ASEAN Countries (VECONAC) 29th Executive Board Meeting and 16th General Assembly Opening Ceremony) telah disempurnakan oleh Pemangku Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Terdahulu, Presiden Persatuan Bekas Perajurit (PBP), Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Shari bin Ahmad dalam ucapannya berkata, hubungan yang terjalin melalui persatuan tersebut, meyakinkan bahawa kerjasama sebuah persahabatan berkekalan lebih kuat dan mendalam selain bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan.

Menurutnya, Negara Brunei Darussalam pertama kali menjadi tuan

rumah bagi Mesyuarat VECONAC pada tahun 2000 sejak lapan tahun menjadi ahli VECONAC.

"Kini selepas 16 tahun, kita berbincang dan berkongsi perkara-perkara dalam landskap baru dinyalakan dengan semangat lama untuk menjadikan dunia ini lebih baik untuk persatuan dan rakan-rakan kami," katanya.

Yang Dimuliakan Pehin juga mengucapkan tahniah kepada BG Winston Toh dan pasukannya; Singapore Armed Forces Veteran League bagi pelancaran laman sesawang VECONAC pada 24 September 2016 lalu.

Ini menurut beliau lagi, merupakan satu pencapaian VECONAC yang sangat baik selain menunjukkan kemampuan kita menggunakan teknologi moden selaras dengan kehendak masa kini.

Pada majlis tersebut, Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah juga menyampaikan

VECONAC Medal of Honour kepada sembilan orang penerima dan VECONAC Honorary President kepada lapan orang penerima.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong salah seorang penerima bagi VECONAC Medal of Honour dan VECONAC Honorary President ketika ditemui berkata, beliau berasa amat bersyukur di atas Kepujian (Honours) dan anugerah yang diberikan kerana ia merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan di atas perkhidmatan yang pernah beliau berikan bermula dari tahun 1992 hingga tahun 2003.

Beliau seterusnya menyarankan kepada bekas anggota ABDB yang telah bersara yang minat untuk menerajui atau memimpin bekas-bekas perajurit yakni veteran-veteran untuk ikut berkecimpung dalam persatuan itu dalam sama-sama menjaga kebajikan ahli-ahli persatuan.



PEMANGKU Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz semasa menyampaikan VECONAC Honorary President kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Doa Kesyukuran Kontinjen ABDB sertai IMT-12 dan MALBATT 850-3 UNIFIL



PEMANGKU Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran bagi anggota ABDB yang pulang dari Republik Filipina selepas menyertai Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) Negara Brunei Darussalam Ke-12 dan Misi Pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan (MALBATT 850-3) UNIFIL.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Oktober. - Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi anggota ABDB yang pulang dari Republik Filipina selepas menyertai Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) Negara Brunei

Darussalam Ke-12 dan Misi Pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan (MALBATT 850-3) UNIFIL.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Surau Kementerian Pertahanan ialah Pemangku Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato

Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Juga hadir ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan Pasukan Polis Diraja Brunei, ACP Pengiran Haji

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Mohammad bin Pengiran Haji Metali. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran dan Solat Asar Berjemaah dan seterusnya Dikir Marhaban bagi meraikan kepulangan anggota ABDB.

Kontinjen IMT-12 berlepas pada tahun lepas iaitu pada 28 Ogos dan telah diambil alih oleh anggota IMT-13 yang sudah bertolak bagi meneruskan misi pemantauan dan pengaman.

Kontinjen IMT-12 yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Azman bin Haji Bangkol selamat kembali ke tanah air pada 16 September 2016 dan Kontinjen ABDB UNIFIL telah pulang pada 6 Oktober 2016 yang lalu.

Ketika ditemu bual Pegawai Turus Perundangan, Mejar Sheikh Mohd. Faizal bin Dato Paduka Haji Sheikh Adnan berkata, peranan utama mereka adalah untuk memantau perjanjian gencatan senjata di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan

Islam Moro (MILF).

Menurutnya, kebanyakan kerja-kerja mereka adalah untuk memantau dan melihat jika terdapat apa-apa pelanggaran gencatan senjata.

"Kami akan melakukan pengesanan, laporan kelakuan, peronda dan pertemuan dengan semua pihak yang berkepentingan daripada kerajaan, tentera, polis. Kami berada di sana selama satu tahun penggunaan," jelasnya.

Salah satu pengalaman yang mencabar jelasnya, adalah memikul tugas yang berada di luar zon dan perlu mendedahkan tempat kejadian yang berlaku.

Salah satu perkara yang paling penting tambahnya, adalah untuk menjaga diri sendiri, berkomunikasi dengan penduduk tempatan dan beliau turut menyatakan semua perkara-perkara praktikal yang telah dipelajari dapat dikongsikan dengan rakan-rakan di sini.

Majlis keagamaan sempena Ulang Tahun Puja Usia



MAJLIS Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena menyambut Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam diadakan di rumah kediaman isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama di Kampung Sungai Hanching.

BERAKAS, Khamis, 6 Oktober. - Kumpulan Isteri-isteri Menteri Kabinet; Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Menteri Kabinet; Isteri-isteri

Setiausaha-Setiausaha Tetap; Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu mengadakan Majlis Khatam Al-Quran,

Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena menyambut Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Majlis diadakan di kediaman isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Zalina binti Haji Awang Omar, selaku Ketua Jawatankuasa Bahagian Keagamaan di Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara.

Atur cara dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran yang dikepalai oleh isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohammad yang juga selaku Pengerusi Kumpulan Isteri-isteri Menteri Kabinet; Isteri-isteri Timbalan-Timbalan Menteri Kabinet; Isteri-isteri Setiausaha-Setiausaha Tetap; Isteri-isteri Timbalan-Timbalan

Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Bacaan Doa Kesyukuran dipimpin oleh isteri Timbalan Menteri Pendidikan, Datin Dayang Hajah Jama'iah binti Haji Awang Abdul Manap yang didahului dengan Sembahyang Sunat Hajat diketuai oleh isteri Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Dayang Hajah Sarimah binti Haji Abu Bakar.

Majlis seumpamanya merupakan aktiviti tahunan kumpulan tersebut sebagai tanda kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Juga hadir, isteri Menteri Pendidikan, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman selaku Timbalan Pengerusi serta ahli-ahli kumpulan tersebut.

MWNBD adakan Doa Kesyukuran Ulang Tahun Puja Usia



YANG Di-Pertua MWNBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yussof (dua, kiri) ketika hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Oktober. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) telah mengadakan Majlis

Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Di-Pertua MWNBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yussof.

Majlis yang dikendalikan oleh Persatuan PERTIWI, PKP dan PGGMB tersebut dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti bacaan Surah Yaa Siin diketuai oleh Imam Masjid Seri Suri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Awang Mohd. Nuzli bin Haji Jumat.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Khas Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta Doa Allah Peliharakan Sultan, diikuti Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Majlis juga diserikan lagi dengan Majlis Khatam Khas yang dibacakan oleh seramai 150 peserta khatam yang terdiri daripada ahli-ahli lembaga tadbir dan ahli-ahli persatuan.

Majlis itu diadakan adalah bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan penuh kesyukuran dan iringan doa semoga sentiasa sihat walafiat serta setinggi penghargaan di atas sokongan dan dorongan baginda kepada kaum wanita di negara ini khususnya MWNBD.

MWNBD merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang dianggotai oleh kaum wanita yang mana 13 persatuan

bergabung di bawahnya terdiri daripada Persatuan PERTIWI, WI, PGGMB, PKP, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, BISTARI, PERBEKAL, BAKTI, Siswazah, Nurul Islam, PEWAJA, PERGANITA dan BAKANITA.

Juga hadir ialah Naib Yang Di-Pertua 1, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat dan Naib-Naib Yang Dipertua, Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Ahli Lembaga Tadbir MWNBD dan ahli-ahli dari 13 persatuan yang bergabung dengan MWNBD serta ahli-ahli dari Persatuan PENJURU dan BASMIDA.

PEKERTI adakan Majlis Kesyukuran Puja Usia

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Khamis, 6 Oktober. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) telah mengadakan Majlis Sembahyang Berjemaah dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bertempat di Rumah Aman, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Tetamu kehormat majlis ialah isteri Pesuruhjaya Polis, Datin Hajah Kamariah Haji Abd. Hamid, selaku

Yang Dipertua PEKERTI.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI, wakil-wakil dari ketujuh-tujuh cawangan PEKERTI beserta ahli-ahli PEKERTI.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Maghrib Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai serta Doa Kesyukuran, dan diteruskan dengan Sembahyang Isyak Berjemaah.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti tahunan PEKERTI dan dikendalikan oleh Badan Keagamaan PEKERTI.



PERKUMPULAN Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) semasa mengadakan Majlis Sembahyang Berjemaah dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Rumah Aman, Ibu Pejabat Polis Gadong.

WI adakan kesyukuran sempena Hari Puja Usia



ANTARA ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Jumaat, 7 Oktober. - Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan

Isyak Berjemaah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, bertempat di Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir di majlis tersebut ialah Yang Di-Pertua WI, Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latip.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid tersebut, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin.

Doa Khas Kesyukuran sempena sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta Doa 'Allah Peliharakan Sultan' yang dibacakan oleh Awang Sahibol Omar danseterusnya Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan penuh kesyukuran dan iringan doa semoga sentiasa sihat walafiat.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Naib Yang Di-Pertua, Ahli Lembaga Tadbir WI dan penduduk kampung di kawasan tersebut.

**Iklan 7(a)**

Universiti Teknologi Brunei sukacita mempelawa pemohon-pemohon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah bagi mengisikan satu (1) jawatan kosong di Universiti Teknologi Brunei.

JAWATAN : **PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS**
BAHAGIAN : **III**
TANGGAGAJI : **C.2 EB.3 (\$1,450.00-\$2,270.00 SEBULAN)**
KEKOSONGAN : **01 (SATU)**

SYARAT-SYARAT AM:

- Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmlan Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu bekerja biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- (i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dengannya dalam bidang Pembelian dan Perbekalan atau Pengajian Perniagaan atau Pentadbiran atau Pengurusan Perakaunan atau Perakaunan atau dalam bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

(ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penyelenggara Stor Tingkat 1 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

(iii) Pernah berkhidmat sebagai anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan berpangkat sekurang-kurangnya Pegawai Waran I atau anggota Polis Diraja Brunei serta mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penyelenggaraan stor dan mempunyai rekod prestasi bersih dalam kerjayanya

- Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira dan/atau Perakaunan dan/atau dalam Pengurusan Stor/Kakitangan dan/atau pembelian alat-alat adalah merupakan satu kelebihan.
- Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Menyelaras hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna.
- Menyediakan dan memastikan semua rekod/akaun/ledger/buku stok sentiasa dikemaskinikan/teratur mengikut dasar/peraturan/sistem yang berkuatkuasa masa kini.
- Menyelia/mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut permohonan/paras stok yang diperlukan.
- Menyediakan pesanan permohonan barang atau bagi penambahan stok.
- Melaksanakan pemeriksaan stok dan memastikan stok mencukupi dan terkawal.
- Menyediakan laporan/penyata hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan/hapus kira terhadap barang-barang stor.
- Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Bendahari.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Permohonan yang lengkap diisi beserta dengan kurikulum vitae (C.V) dan salinan sijil pencapaian akademik hendaklah dihantar kepada:

YANG MULIA
PENDAFTAR DAN SETIAUSAHA
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI
JALAN TUNGKU LINK, GADONG BE 1410
BRUNEI DARUSSALAM

UP: Penolong Pendaftar (Personel)

Borang permohonan (Form C) boleh didapati di Pusat Staf dan Pelajar, Universiti Teknologi Brunei atau melayari laman web www.utb.edu.bn

Tarikh tutup bagi menghantar permohonan ialah pada hari **Isnin, 24 Oktober 2016**.

Rujukan Iklan: UTB/IKLAN/S1.6.6/2016(7a)

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantarkan permohonan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan hendaklah menyertakan bersama satu Laporan Sulit dan Penilaian Prestasi 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya SANGAT BAIK) serta salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap. Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.

Hanya pemohon yang disenaraipendek (shortlisted) sahaja akan dihubungi dan dimaklumkan mengenai proses temuduga.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PDP / 023 / 2016

TAJUK TAWARAN :
PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN ELEKTRIK 11KV
DI KAWASAN KUALA IURAH INDUSTRI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- (ELECTRICAL EXTERNAL
& CIVIL ASSOCIATED WORKS)

Tarikh Tutup : 18 OKTOBER 2016, SELASA
(JAM 2.00 PETANG)

Harga Dokumen : BND50.00
(tidak dikembalikan)

Tempat tutup :
PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KELAYAKAN : Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan di dalam Kelas III, IV atau V sahaja dalam Kategori E01, E02, & E03 atau E05.

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Kaunter Unit Pembekalan, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN :

Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 -SECTION 16 & 17 dan sijil pendaftaran pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan perkhidmatan Elektrik.



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BILANGAN SEBUT HARGA : 04/JPD/JKSH/20162017

TAJUK SEBUT HARGA :
TAWARAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN
DALAM DAN LUAR BANGUNAN
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
CAWANGAN DAERAH TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa dari syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Borang sebut harga dan keterangan spesifikasi bolehlah diperolehi di **Penyambut Tetamu, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Gadong** semasa waktu pejabat, iaitu **8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi** dan **2.00 Petang hingga 4.00 Petang** dengan membawa bersama salinan sijil pendaftaran perniagaan untuk rujukan.

3. Setiap borang sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan disertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan dan perkara yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa menunjukkan identiti pemborong serta menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga dihantar serta dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat
Tingkat 4, Jalan Beribi Gadong, BE1110
Negara Brunei Darussalam.

4. Tarikh tutup menghadapkan sebut harga berkenaan pada **Selasa, 11 Oktober 2016, jam 2.00 Petang**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran.



**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEBUT HARGA PEMBEKALAN BARANG STOR
DAN INVENTORI**

**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
RUJUKAN SEBUT HARGA : GP/ADM/4/06 PT.15**

**KETERANGAN BARANG STOR DAN INVENTORI
PERCETAKAN BESERTA KUANTITI**

**1. PEMBEKALAN 80 GSM WOODFREE - CREAM
WOVE**

GSM 80
WARNA CREAM WOVE
UKURAN LEBAR 520 MM
UKURAN PANJANG 780 MM
PEMBUNGKUSAN 500 KEPING / PAKET
KUANTITI 500 REAMS

2. PEMBEKALAN 150 GSM WOODFREE - WHITE

GSM 150
WARNA WHITE
UKURAN LEBAR 635 MM
UKURAN PANJANG 902 MM
PEMBUNGKUSAN 250 KEPING / PAKET

KUANTITI 500 PAKET

3. PEMBEKALAN KOTAK SINGLE WALL
WARNA LIGHT BROWN
UKURAN LEBAR 305 MM
UKURAN PANJANG 430 MM
UKURAN KETINGGIAN 275 MM
PEMBUNGKUSAN 20 KEPING / PAKET
KUANTITI 25,000 KEPING

Syarat-Syarat Tawaran

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan pada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Harga sebut harga hendaklah termasuk kos penghantaran menggunakan kontena dan pemungghahan ke dalam Stor Jabatan Percetakan Kerajaan.
3. Tarikh tutup menghantar sebut harga ialah pada **2 November 2016, Rabu, Jam 2.00 Petang.**
4. Sebut harga hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menyatakan bilangan tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa mendedahkan butir-butir mengenai syarikat. Tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengerusi Sebut Harga
Bay 1, Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Jabatan Percetakan Kerajaan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan BB3510**

Negara Brunei Darussalam.

5. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Semua sebut harga hendaklah disertakan dengan contoh sampul surat yang dikehendaki.
7. Borang sebut harga dan maklumat lanjut boleh didapati di Bay 1, Kaunter 1, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam pada :
**Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
1.30 Petang hingga 4.00 Petang**

8. Untuk keterangan lanjut mengenai perkara ini, pihak Tuan bolehlah menghubungi Awang Mohamad Zamri bin Omar @ Eugene, Penyelenggara Stor Tingkat Khas, zamri.omar@printing.gov.bn melalui talian +673 2382541.
9. Sebut harga yang diisikan dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.
10. Sebarang cukai atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran, jika ada, adalah ditanggung oleh pemohon.
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah dan berhak menolak tawaran yang tidak munasabah.
12. Pemohon yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan Lembaga Tawaran Negara.



**JABATAN PERLABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**TENDER NOTICE
PORTS DEPARTMENT
MINISTRY OF COMMUNICATION
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TENDER NOTICE NO. JP/T10/2016-2017**

1. TENDERS are invited from category MSB class 2 or 3 or Qualified Marine Insurance Brokers for **MARINE INSURANCE** for Ports Department Tug and Pilot Boats.
2. Full tender particulars and general conditions of contract can be obtained on payment of documentation fee of **BND10.00** (not returnable) during office hours :

**Monday to Thursday
8.00 AM - 11.00 AM
&
1.30 PM - 2.30 PM
Saturday
8.00 AM - 10.00 AM**

respectively from
**TENDER & QUOTATION UNIT, 2ND FLOOR,
PORTS DEPARTMENT, MUARA BT1728,
BRUNEI DARUSSALAM.**

**BIDDING CAN BE COLLECTED NOT LATER THAN 20TH OCTOBER 2016,
A WEEK BEFORE CLOSING DATE.**

3. Tenders are to be submitted in plain sealed envelopes marked only with 'MARINE INSURANCE JP/T10/2016-2017' at the top left hand corner and addressed to :

**THE CHAIRMAN
MINI TENDER BOARD
MINISTRY OF COMMUNICATIONS
BANDAR SERI BEGAWAN
BB3910, BRUNEI DARUSSALAM.**

4. All tenders are to be received at the designated addresses by **2.00 PM, 25 OCTOBER 2016.**
5. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN TAWARAN : 01/JKSH/2016
JUALAN SECARA TERTUTUP**

ADALAH dengan ini diberikan notis bahawa borang sebut harga bagi tawaran ini boleh diperolehi di alamat :

**BAHAGIAN LOGISTIK
IBU PEJABAT JABATAN PENJARA,
JALAN JERUDONG
TARIKH TUTUP TAWARAN:
Selasa, 8 November 2016, jam 9.30 Pagi.**

KETERANGAN

1. 51 Unit Peralatan / Pemadam api
- Banyak lima puluh satu (51) unit
2. 01 Alat timbangan Bahagian Logistik Jerudong
- Banyak satu (01)
3. 10 unit peralatan elektrik :

**(01 ENGINE WATER PUMP, 01 FREESER, 02 COOLER, 01 AIR CONDITIONER, 01
WATER DISPENSER, 02 FLOUR MIXER, 01 STAND FAN, 01 WALL FAN)
- Banyak Sepuluh (10 UNIT)**

TEMPAT TAWARAN SEBUT HARGA

**Di Ibu Pejabat, Jabatan Penjara
Jalan Jerudong, BG3122
Negara Brunei Darussalam.**

Jualan secara tawaran sebut harga kerajaan ini akan diadakan pada
**Selasa, 8 November 2016, jam 9.30 Pagi
Hari dan masa bagi melihat barang lelong :
9.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
(Pada hari-hari bekerja sahaja)**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, Firma Swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Dokumen tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjutnya mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi talian +673 2661085 atau +673 2662788 sambungan 153 (bagi mendapatkan dokumen tawaran dan syarat-syarat tawaran) semasa waktu pejabat di **Bahagian Logistik, Ibu Pejabat Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG3211, Negara Brunei Darussalam.**
3. Jika pembeli hendak melihat peralatan / perkakas tersebut, hendaklah membuat temu janji terlebih dahulu seperti berikut:
Pegawai Penjara Pg. Mohd. Safuandi Shah bin Pg. Hj. Matahir di talian +673 2661085 atau +673 2662788 sambungan 153.
4. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.
5. Lelongan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.
6. Kesemua tawaran sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap menggunakan borang yang disediakan dan hendaklah dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA bertempat di **Bahagian Penyambut Tetamu, Bahagian Pentadbiran, Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG3122, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada Selasa, 8 November 2016, jam 9.30 Pagi.** Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan bilangan sebut harga dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang telah dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh jualan tersebut dan jika tidak dipindahkan dari kawasan berkenaan dalam masa yang ditetapkan di atas bermula dari tarikh tawaran ini akan dirampas balik dan akan dilelong semula.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN
PEMBEKAL-PEMBEKAL
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : PEMBEKAL-PEMBEKAL
YANG DILULUSKAN
SAHAJA
KATEGORI : (P02 SAHAJA) -
(KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
25 OKTOBER 2016 (SELASA)
TARIKH TUTUP :
8 NOVEMBER 2016 (SELASA)
TIDAK LEWAT
DARI JAM 2.00 PETANG**

**BIL. : JKR / DWS / 011 / 2016
NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
8,000 TON METRIK
HYDRATED LIME
KE LOJI-LOJI RAWATAN AIR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(TAWARAN SEMULA)
YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -**

**DIBUKAKAN
PEMBEKAL-PEMBEKAL
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
PEMBEKAL - PEMBEKAL
YANG DILULUSKAN SAHAJA
KATEGORI :
(P02 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 OKTOBER 2016 (SELASA)
TARIKH TUTUP :
8 NOVEMBER 2016 (SELASA)
TIDAK LEWAT
DARI JAM 2.00 PETANG**

**BIL. : JKR / DWS / 012 / 2016
NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR 27,500 TON
METRIK
ALUMINIUM SULPHATE
KE LOJI-LOJI RAWATAN AIR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(TAWARAN SEMULA)
YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -**

**DIBUKAKAN
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : I, II & III
KATEGORI :
(B01, KPB02, KPB11 SAHAJA) -
(KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 OKTOBER 2016 (SELASA)
TARIKH TUTUP :
8 NOVEMBER 2016 (SELASA)
TIDAK LEWAT
DARI JAM 2.00 PETANG**

**BIL. : JKR / DTS / 17/STE/
2016-T/II
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
KEROSAKAN STRUKTUR
BANGUNAN GALERI SENI,
BANDAR SERI BEGAWAN -
FASA 1
NO. PROJEK :
JKR/DTS/DEPT/28/2016
YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -
- Tempoh siap projek berkenaan
diubah dari lima (5) bulan ke
enam (6) bulan.
- Kadar denda & ganti rugi diubah
dari BND200.00 ke BND170.00 /
sehari.
(BIL. : JKR / DTS / 17/STE/
2016-T/II)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



Persidangan Wanita Serantau 2016

anjuran Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam

Keperibadian Muslimah Misali Paksi Kecemerlangan Ummah



Pg Dr Hajah Nur-Ashikin Pg Haji Petra (BRUNEI DARUSSALAM)



Kurnia Irawati Istadi (INDONESIA)



Dr Noraleha Mohd Salleh (MALAYSIA)



Puan Suzati Abdullah (SINGAPURA)



Dr Lily Suzana Hj Shamsu (BRUNEI DARUSSALAM)



Dr Lily Suzana Hj Shamsu (BRUNEI DARUSSALAM)

OBJEKTIF:

- Mendalami kefahaman dan penghayatan tentang keperibadian Muslimah dizaman Rasulullah S.A.W
- Menambah pengetahuan mengenai tokoh-tokoh di Negara Brunei Darussalam dan Serantau serta meneladani ketokohan mereka
- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai pelbagai bentuk cabaran terhadap belia Muslimah masa kini bagi mendepani cabaran secara Islamik
- Memberikan inspirasi untuk menerapkan pemikiran bagi membudayakan amalan-amalan keperibadian Muslimah sejati ke arah membentuk generasi berakhlak
- Membangkitkan kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan ilmiah dalam mengukuhkan jati diri

Pada 15 Oktober 2016 bersamaan 14 Muharram 1438 • Hari Sabtu • 7.30 Pagi - 4.30 Petang
Bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC)
Berakas, Negara Brunei Darussalam

BAYARAN PENDAFTARAN : Jabatan Kerajaan / Sektor Swasta @ B\$30.00 • Persatuan / NGO / Perseorangan @ B\$20.00 • Pelajar @ B\$5 .00
Pendaftaran secara berkumpulan bagi 10 orang peserta atau keatas yang mendaftar tidak lewat dari 5 Oktober 2016 akan diberikan 10% diskaun.

Pembayaran hendaklah dibuat kepada akaun: PERSATUAN SISWAZAH WANITA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM • Bank Islam Brunei Darussalam - BIBD No A/C : 00-015-01-0037568 atau Pembayaran boleh juga dibuat melalui ATM, mesin Simpanan Tunai (CDM), pembayaran tunai atau cek. Bagi yang membuat pembayaran melalui bank On-Line, hendaklah menyertakan resit asal bayaran pendaftaran semasa membuat pendaftaran.

Bagi Peserta Luar Negeri: USD50.00. Pelajar Luar Negeri: USD30.00 • Pembayaran boleh dibuat melalui bank draft kepada:
Nama Akaun: PERSATUAN SISWAZAH WANITA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (alamat : BIBD, Jln Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam)
Nama Bank: BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
Nombor Akaun : 00-015-01-0037568
BIBD Swift Code: BIBD BN BB

Ahli untuk dihubungi mengenai Persidangan: Zainab: +673 8866540 - zainabdpha@gmail.com • Dr Hajah Hairuni: +673 8772502 - hairuni@gmail.com • Dy Fazedza: +673 8870443 - jadekhan1812@gmail.com • Gazala: +673 8741004 - gala_ulat@hotmail.com



KEMENTERIAN KEWANGAN

KEMENTERIAN KEWANGAN

Bilangan Tawaran : KKW/Z/23/9-T5/2016

Tajuk Tawaran :

**KONTRAK MAINTENANCE AND
INSPECTION OF FIRE PROTECTION
SYSTEM FOR MINISTRY OF
FINANCE BUILDING,
COMMONWEALTH DRIVE
Yuran Tawaran / Dokumen: BND30.00
(tidak dikembalikan)**

**Pengerusi Lembaga Tawaran Negara
Kementerian Kewangan
Peti Sebut Harga, Tingkat 1
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

4. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Isnin, 24 Oktober 2016. Semua sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan pembayaran adalah dengan WANG TUNAI (Wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat di Unit Perkhidmatan Kewangan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15, Tower Blok, Bangunan Kementerian Kewangan sebelum dokumen tawaran diserahkan, pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang, iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan hari Sabtu 8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi sahaja. Bayaran yuran dokumen tidak akan dikembalikan kepada semua penender yang ikut serta dalam tawaran ini.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebarang sebut harga yang paling tinggi atau lain-lain sebut harga.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen KPME 05, berdaftar di Kementerian Pembangunan dan diiktiraf oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Negara Brunei Darussalam serta berpengalaman khusus dalam pemeliharaan dan pemeriksaan keatas peralatan pecegahan kebakaran.

2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Unit Pengurusan Aset dan HSE, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15 - Tower Blok, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

3. Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :


KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
KELAS IV DAN V, KATEGORI B01**
Bilangan Tawaran :
KHEU/BDP/LTK/012/2016
**CADANGAN PEMBINAAN
MASJID TANJONG BUNUT**
**YURAN DOKUMEN :
BND500.00 (tidak dikembalikan)**
**Tarikh dan jam tutup mengambil
dokumen tawaran :**
4 Oktober 2016 (3.00 Petang)
Tarikh tutup :
18 Oktober 2016 (2.00 Petang)
Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) tidak lewat dari **jam 2.00 Petang** pada tiap-tiap **SELASA** seperti tarikh yang telah ditetapkan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan

dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam.** Jumlah yuran adalah seperti berikut.

5. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

3. Yuran tawaran (*tender fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan kepada setiap pemborong samaada yang berjaya atau tidak Berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi di **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong.**

4. Penender-penender yang menyertai tawaran ini hendaklah mempunyai Sijil Perniagaan yang masih sah. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan, seperti nama pemilik, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik dan salinan kad pengenalan dan passport hendaklah disertakan bersama.

5. Penender-penender yang menyertai tawaran ini juga mesti mempunyai Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan bagi Kelas V dan keatas minima kategori (KA01) dan (B01).

6. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*bona-fide-tender*).

8. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan.


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan bagi :

1.1. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong yang pendaftar di dalam Pendaftar Kontraktor dan Pembekalan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam bagi kelas I dan II dalam Kategori Kerja : S01, menyertakan Sijil Pendaftaran 16 & 17 berserta salinan Kad Pengenalan atau Pasport Pemilik.

**TWO (2) YEARS TERM CONTRACT
FOR WASTE COLLECTION AND
DISPOSAL SERVICES AT PASSENGER
TERMINAL BUILDING, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT**
**Bilangan Sebut Harga :
APM.2016-2017/SH-08**
**Tarikh mengambil dokumen tawaran :
5 Oktober 2016 (Rabu)**
**Tarikh akhir mengambil
dokumen tawaran :
Selasa, 25 Oktober 2016
Tidak lewat dari jam 11.00 Pagi**
**Tarikh tutup tawaran :
26 Oktober 2016 (Rabu),
jam 2.00 Petang**
**Yuran dokumen :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

Tarikh lawatan bagi melihat kawasan bagi tawaran akan diadakan pada Isnin, 24 Oktober 2016, Jam 9.30 Pagi. Semua wakil syarikat diminta berkumpul di Kaunter Informasi, Dewan Bertolak, Bangunan Terminal Penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Penender dikehendaki membawa bersama-sama Kad Pengenalan yang sah.

2. Sebut harga hendaklah dihantar menggunakan sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

2.1. SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN / PEMBEKALAN :

**TWO (2) YEARS TERM CONTRACT
FOR WASTE COLLECTION AND
DISPOSAL SERVICES AT PASSENGER
TERMINAL BUILDING, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT**
Bilangan Sebut Harga :
APM.2016-2017/SH-08
Tarikh tutup : 26 Oktober 2016
Alamat kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerbangan Awam
d/a. Tingkat Bawah Bahagian Kewangan
Ibu Pejabat Penerbangan Awam
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut harga hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga beralamat di atas **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Rabu, 26 Oktober 2016.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan membayar **yuran dokumen sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan).**

Waktu penerimaan bagi mengambil dan membayar tawaran pada waktu bekerja :

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**

5. Penerangan-penerangan yang lebih lanjut bolehlah didapati dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Kompleks Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui telefon +673 2330142 atau +673 2332337 sambungan 1431, 1459 atau melalui faksimile : +673 2331772.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.


**JABATAN PERANCANG DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**
**BAHAGIAN IT & E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN TAWARAN :
JPKE-ICT/2016/01**

Tajuk Tawaran :
**Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing, Commissioning
and Maintenance of IT Network
Infrastructure for Department of
Economic Planning and Development,
Prime Minister's Office.**

**Tarikh Tutup :
25 Oktober 2016, Selasa, 2.00 Petang.**
Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) yang sah berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan yang mempunyai AAB Status dan ICTAB Kelas 3 dan 4 sahaja.

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk tawaran dengan bilangan tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat / pembekal.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran ke alamat yang tersebut di bawah **tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Selasa, 25 Oktober 2016.**

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

4. Dokumen-dokumen terperinci mengenai tawaran ini boleh diperolehi setelah bayaran harga Yuran Tawaran berjumlah **BND30.00 (tidak akan dikembalikan)** dibuat di Unit Kewangan, Bilik 5.02, Tingkat 5, Blok 2A, Jabatan Perancangan Dan Kemaajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi**

5. Borang pengakuan dokumen tawaran akan diberikan selepas pembayaran yuran tawaran telah dibuat dan hendaklah diisi dengan lengkap bersama COP syarikat pada waktu yang sama sebelum diberikan dokumen tawaran.

6. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

7. Tawaran yang lewat diterima pada tarikh dan masa yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.


**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENENDER-penender adalah di pelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut :

1. FM/PPDB/RC - 01
**PROVISION OF CONSULTANCY
SERVICER FOR THE FACILITIES
MANAGEMENT OF ROYAL BRUNEI
POLICE FORCE NEW POLICE
HEADQUARTERS, OFFICER'S MESS
AND BANQUET HALL, SHOOTING
RANGE MESS AND RUMAH AMAN**
**Yuran Tawaran : BND500.00
(tidak dikembalikan)**

1. Dokumen tawaran boleh di perolehi daripada Unit Pembelian dan Perbekalan, **Tingkat Bawah Ibu Pejabat Polis Gadong** pada waktu bekerja iaitu **Isnin hingga Khamis** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi**.

2. Tawaran tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identity pemborong **tidak lewat jam : 2.00 Petang, Selasa, 1 NOVEMBER 2016 :**

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Level 1 Bangunan Jabatan Perdana
Menteri
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.**

Peningkatan perangkaan penyalahgunaan dadah merunsingkan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Oktober. - Isu penyalahgunaan dadah merupakan permasalahan global yang mana pengaruhnya tidak hanya



AWANG Firdaus bin Mohd. Fadillah, mahasiswa Tahun 3 Fakulti Usuluddin, Aqidah dan Dakwah semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

tertumpu di negara-negara maju mahupun membangun tetapi turut melanda di negara-negara yang mundur.

Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Hajah Rasimah binti Haji Ahim menekankan demikian dalam tajuk 'Isu Penyalahgunaan Dadah di Brunei Darussalam : Kajian Terhadap Belia Melayu pada Kuliah Umum Liqa'Ilmy Fakulti Usuluddin' yang berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA, di Gadong.

Katanya, pelbagai usaha untuk menanganinya daripada berleluasa terus dilaksanakan dari semasa ke semasa sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Namun, jelasnya, isu tersebut terus menjadi dalang kepada kestabilan dan keharmonian sesebuah negara.

Negara Brunei Darussalam ujarnya, turut giat membasmi virus itu daripada terus mempengaruhi para penduduk di dalamnya.

"Menurut perangkaan penyalah-

gunaan dadah telah menunjukkan berlakunya peningkatan dari tahun ke tahun, suatu situasi yang sangat merunsingkan dan perlu ditangani dengan segera bagi menjamin keutuhan negara dan kesejahteraan masyarakat," tegasnya.

Justeru itu, kajian mengenainya menurutnya telah dijalankan dengan memfokuskan kepada kalangan yang terlibat secara pemulihan.

Beliau seterusnya menyatakan, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti lingkungan dan latar belakang kelompok yang terlibat dengan isu penyalahgunaan dadah di samping mengetahui faktor utama mendorong mereka terjerumus dengan najis dadah.

Terdahulu, Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, Profesor Madya Ahmad F. Yousif pula dalam kuliah umum itu menyentuh tajuknya 'Wasatiyyah in the Context of Fanaticism', iaitu tentang punca-punca fanatik yang mana ia terletak dalam tradisi Islam.

Sementara itu, Dekan Fakulti Usuluddin, Dr. Lily Suzana binti Shamsu membincangkan mengenai ciri-ciri *wasatiyyah* yang menyumbang kepada pembangunan dalam belia dan masyarakat moden.

Beliau yang menghuraikan tajuknya



TIMBALAN Dekan Fakulti Usuluddin, Profesor Madya Ahmad F. Yousif dalam kuliah umum bertajuk 'Wasatiyyah in the Context of Fanaticism'.

'Wasatiyyah : An Instrument for Youth Nation's Building in Darussalam' pada kuliah tersebut turut menggariskan ciri-ciri pembangunan belia dalam pendekatan holistik melalui permohonan *wasatiyyah*.

Mahasiswa Aqidah dan Da'wah Fakulti Usuluddin, Awang Firdaus bin Mohd. Fadillah berpendapat, kuliah

berkenaan banyak memberi manfaat yang berguna kepada para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Menerusi kuliah itu juga katanya, dalam temu bual Pelita Brunei dapat menambah ilmu pengetahuan dan seterusnya dikongsikan kepada orang ramai khusus para pelajar UNISSA.

RB tandatangani perjanjian bersama Lufthansa Teknik



PARA perwakilan dari Royal Brunei dan Lufthansa Technik dalam sesi bergambar ramai yang disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif RB, Karam Chand (tengah) dan Naib Presiden Kanan Pemasaran Korporat Asia Pasifik, Lufthansa Teknik AG yang beribu pejabat di Republik Singapura, Tuan Gerald Steinhof (dua dari kanan).

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 3 Oktober. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dan Lufthansa Teknik telah menandatangani perjanjian sepuluh tahun yang meliputi sokongan komponen bagi kapal RB A320 dan A320neo akan datang. Majlis Penandatanganan berlangsung di Pejabat Lufthansa Teknik di sini.

Skop perkhidmatan perjanjian berkenaan termasuk pengurusan pembaikan yang menyeluruh pelbagai rangkaian unit ganti, penyediaan inventori kritikal di pangkalan RB di Brunei dan akses kepada rangkaian global Lufthansa Teknik bagi bekalan komponen. Di samping itu, Lufthansa Teknik akan menyokong RB dengan produk c.more®, penyelesaian pengurusan pembekalan bagi bahan kegunaan dan pakai buang (*expendables*).

Menandatangani bagi pihak RB ialah Ketua Pegawai Eksekutif RB, Karam Chand sementara Lufthansa

Siaran Akhbar dan Foto :
Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

Technik ditandatangani oleh Naib Presiden Kanan Pemasaran Korporat Asia Pasifik, Lufthansa Teknik AG yang beribu pejabat di Republik Singapura, Tuan Gerald Steinhof.

"Kami merasa gembira dapat bekerjasama dengan Lufthansa Teknik bagi program sokongan komponen. Mereka adalah salah sebuah Organisasi Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik pulih yang terbaik di dunia dan kami percaya melalui kerjasama ini kita boleh memanfaatkan kepakaran mereka untuk kebaikan bersama. Kami percaya bahawa dengan pengalaman yang luas Lufthansa Teknik ke atas pesawat A320 itu bersama-sama dengan keupayaan kami untuk mengakses bekalan serantau mereka -

terutamanya di Singapura dan Hong Kong - kita akan menerima sokongan optimum untuk kapal Airbus kami," jelas Karam Chand.

Sementara itu, Naib Presiden Pemasaran Lufthansa Teknik bagi Asia Tenggara dan Australia, Zang Thio juga melahirkan rasa gembira kerana telah dipilih oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan mengalu-alukan perkongsian tersebut.

"Kami percaya bahawa daya saing kos dan kepakaran teknikal akan menyumbang kepada pertumbuhan Royal Brunei. Selain itu, kami yakin bahawa cadangan unik bagi bekalan serantau ini akan menyediakan tahap tertinggi kestabilan operasi bagi RB," jelasnya.

Pemimpin pengakap hadir bengkel di Jepun

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Oktober. - Dalam dunia hari ini, kesiapsiagaan adalah perlu dalam menghadapi apa jua permasalahan yang bakal ditempuhi dan ia adalah satu kemestian bagi semua.

Sejak sedekad yang lalu, negara-negara di rantau Asia Pasifik telah mengalami bencana alam yang sangat dahsyat seperti tsunami, banjir, gempa bumi, taufan, kebakaran hutan, tanah runtuh dan lain-lain bencana dan ada yang berlaku di dalam jangka masa pendek dan berulang-ulang kali.

Keperluan untuk 'Sentiasa Bersedia' itu juga amat diperlukan oleh seorang ahli pengakap bagi menghadapi cabaran dan dapat berkhidmat dengan lebih cekap di dalam membantu memberi bantuan. Pemahaman dan kepantasan di dalam membuat keputusan menyelamatkan adalah suatu tindakan yang sangat berguna ketika berhadapan di dalam menangani

sebarang risiko atau bencana yang berlaku.

Justeru itu, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menghantar tiga (3) orang Pesuruhjaya Pengakap, iaitu Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait, Haji Md. Salleh bin Haji Ahmad; Pemangku Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Risiko dan Keselamatan, Haji Murad bin Abdul Hadi dan Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Pengakap Berkeperluan Khas, Haji Mohammad Paizzal bin Haji Piluk bagi menyertai Bengkel Pengurusan Tindak Balas Bencana Peringkat Rantau Asia Pasifik anjuran Pergerakan Pengakap Rantau Asia Pasifik dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Jepun (*Scout Association of Japan*) berlangsung di Pusat Kongres Antarabangsa Tsukuba, Ibaraki, Jepun. Bengkel selama lima hari ini bermula pada 5 hingga 9 Oktober 2016.

Ianya adalah hasil kesinambungan

penyertaan mereka di dalam Forum Pengurusan Risiko Peringkat Rantau Asia Pasifik anjuran Pergerakan Pengakap Rantau Asia Pasifik dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Malaysia bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia pada 5 hingga 8 September 2016 yang lalu.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada peserta bengkel di Balai Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Badar bin Haji Ali. Turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Haji Awang Hapidz; Setiausaha Agung PPNBD, Haji Zainuddin bin Haji Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif PPNBD, Haji Mohd. Zali bin Haji Arsad.

Bengkel tersebut dihadiri oleh lebih 40 orang pemimpin pengakap daripada 17 buah negara dari rantau Asia Pasifik yang bertujuan untuk mengumpulkan pemimpin-pemimpin pengakap di peringkat kebangsaan dan daerah yang terlibat secara langsung,



TIGA pemimpin pengakap sebelum berlepas ke Jepun bagi menghadiri Bengkel Pengurusan Tindak Balas Bencana Peringkat Rantau Asia Pasifik.

bertanggungjawab serta mempunyai minat di dalam pengurusan bencana.

Matlamat bengkel adalah untuk memberi pemahaman kepada punca risiko global, mengenal pasti kaedah pencegahan yang terbaik di dalam pengurusan bencana dan cara terbaik untuk bersedia dalam bertindak balas dan memulihkan semula daripada bencana baik di dalam dan luar negara.

Adalah diharapkan di akhir bengkel ini para peserta akan dapat memperkenalkan konsep utama dalam pengurusan bencana, bagi mengenal pasti peranan pengakap di peringkat pra; peringkat semasa; peringkat pasca bencana serta dapat membangunkan sistem rangkaian di kalangan Pergerakan Pertubuhan Persekutuan Pengakap dalam menguruskan kerja-kerja bantuan.

Politeknik Brunei berperanan galakkan pertukaran ilmu dan kemahiran

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



ANTARA yang hadir mendengarkan Taklimat Akta Politeknik Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Oktober. - Penubuhan Politeknik Brunei menjadi satu badan korporat kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa yang membolehkannya mendakwa dan didakwa seperti yang terkandung dalam Perintah Politeknik Brunei 2014.

"Perintah berkenaan juga menerangkan mengenai matlamat Politeknik Brunei, iaitu untuk mengadakan pengajaran dan latihan dalam kejuruteraan, teknologi, sains, perdagangan dan subjek pembelajaran yang lain."

Demikian antara yang dijelaskan oleh Ketua Penasihat Undang-Undang, Ketua Bahagian Sivil dari Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Suhana binti Haji Sudin semasa menyampaikan taklimat mengenai Akta Politeknik Brunei di One Stop Centre, Politeknik Brunei, Jalan Ong Sum Ping, di sini.

Selain itu, jelas beliau, matlamat Politeknik Brunei adalah untuk menggalakkan pertukaran ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam perniagaan dan industri.

Antara objektif taklimat ialah untuk memberi penerangan mengenai Akta Politeknik Brunei dengan lebih

terperinci akan peranan-peranan yang perlu diketahui oleh semua pegawai dan kakitangan termasuk pensyarah dan semua warga Politeknik Brunei.

Di samping itu, ia juga menekankan mengenai kepentingan maklumat-maklumat dalam Perintah Politeknik Brunei 2014 seperti yang diwartakan dalam warta kerajaan yang diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat tersebut turut memberi kefahaman mengenai tatacara, panduan, bukti yang lengkap dan rujukan dalam penyediaan sesuatu kerja yang berkaitan dengan pentadbiran Politeknik Brunei.

Perkongsian pengalaman dan ilmu dalam pengendalian akta dengan Ketua Penasihat Undang-Undang, Ketua Bahagian Sivil juga diadakan pada sesi taklimat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Haji Mohd. Ali Sanusi bin Haji Salim diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Penolong Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar, selaku Pengerusi Majlis.



TAKLIMAT mengenai Akta Politeknik Brunei yang disampaikan oleh Ketua Penasihat Undang-Undang, Ketua Bahagian Sivil dari Pejabat Peguam Negara, Dayang Hajah Suhana binti Haji Sudin.

Hadir pada sesi taklimat berkenaan ialah Pengarah Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai; ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua sekolah serta pensyarah-pensyarah, pegawai dan kakitangan Politeknik Brunei.

40 guru MIB timba ilmu di PSB

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



KETUA Penyelaras Komuniti Pembelajaran Profesional, MIB Kluster 1, Bahagian Bandar, Dayang Jusita binti Haji Abd. Rahman, selaku Guru Penyelaras Lawatan (kanan) menyerahkan cenderahati kepada Pegawai Sejarah Kanan, Pusat Sejarah Brunei (PSB), Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad (kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Oktober. - Seramai 40 guru mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) kawasan Kluster 1 Daerah Brunei dan Muara mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Sejarah Brunei (PSB) di ibu negara.

Rombongan diketuai oleh Ketua Penyelaras Komuniti Pembelajaran Profesional, MIB Kluster 1, Bahagian Bandar, Dayang Jusita binti Haji Abd. Rahman, selaku Guru Penyelaras Lawatan.

Ketibaan rombongan di PSB dialu-alukan oleh Pegawai Sejarah Kanan, PSB, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad, selaku Ketua Bahagian Perkhidmatan dan Pameran.

Semasa lawatan tersebut, guru-guru berpeluang mendengarkan taklimat mengenai PSB sebagai Pusat Persejarahan Brunei yang disampaikan oleh Pegawai Sejarah PSB, Dayang Hajah Siti Aisah binti Pungut, selaku

Ketua Unit Lawatan dan Pameran.

Beliau menjelaskan, PSB ditubuhkan pada awal tahun 1982 atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Memorandum Menteri Besar Brunei.

"Pada awalnya, jabatan ini berpejabat sementara di Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan keramaian lapar orang kakitangan yang dipinjam daripada Majlis Pelajaran dan DBP sendiri yang kemudiannya ditetapkan berkhidmat di PSB. Kemudian berpindah ke bangunan bekas Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Jalan Stoney Bandar Seri Begawan pada tahun 1985," ujarnya.

Pada tahun 1987 jelasnya, PSB berpindah ke bangunannya sendiri yang ada sekarang dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji

Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Utama Haji Awang Mohd. Yusof pada 25 Februari 1988.

Beliau seterusnya menambah, PSB telah mengadakan penyelidikan, mengumpul maklumat bagi menyusun salasilah sultan-sultan dan kerabat diraja termasuk Pengiran-Pengiran Peranakan, orang-orang kenamaan, pembesar-pembesar negara dan orang-orang bergelar di Negara Brunei Darussalam.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama salah seorang peserta, Awang Haji Mohd. Khairul Anwar bin Pehin Penyurat Haji Awang Mohd. Salleh berkata, lawatan tersebut adalah untuk memberikan pendedahan kepada guru-guru khususnya yang mengajar mata pelajaran MIB.

Guru MIB dari Sekolah Rendah Tungku itu seterusnya menjelaskan, dengan adanya lawatan tersebut juga, guru-guru akan mudah berhubung dan mempunyai rangkaian bersama pegawai-pegawai dan kakitangan PSB sekiranya mereka ingin membuat lawatan bersama pelajar masing-masing ke pusat berkenaan pada masa akan datang.

Selain PSB tambahnya, mereka juga akan mengadakan lawatan ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja dan Jabatan Adat Istiadat Negara.

Saranan beliau kepada guru-guru

lain khususnya yang mengajar mata pelajaran MIB, adalah untuk membawa anak-anak murid mereka ke pusat tersebut untuk membuat lawatan atau menjemput PSB ke sekolah masing-masing.

Sementara itu, Pengiran Hajah Mahani ketika ditemui pula berkata, hasrat PSB daripada lawatan tersebut adalah supaya mereka mendapat serba sedikit ilmu yang dikehendaki dalam mendukung MIB di mana PSB merupakan sebuah institusi yang banyak mengumpul data-data mengenai kekerabatan diraja bukan sahaja dari segi dokumen, surat-surat perjanjian, salasilah dan sebagainya.

Tambahnya, ini adalah bagi membantu mereka untuk memahami bidang sejarah tersebut untuk disampaikan kepada anak-anak kerana pemikiran anak-anak generasi muda pada masa ini adalah lebih ke hadapan.

Jadi terangnya, mereka haruslah membuka minda untuk memahami dan mendalami bidang sejarah tersebut.

Menyentuh tentang perkembangan PSB, beliau menjelaskan, pusat tersebut terus bergerak ke hadapan yang mana dua galeri baharu akan dibuka pada bulan November ini bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama memahami dan berkongsi maklumat supaya mereka tahu apa yang telah terjadi pada Brunei



GURU MIB dari Sekolah Rendah Tungku, Awang Haji Mohd Khairul Anwar bin Pehin Penyurat Haji Awang Mohd. Salleh (kiri) semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

di zaman dahulu.

Menurutnya, dengan adanya pendekatan-pendekatan seperti lawatan ini, ia adalah merupakan salah satu langkah untuk kita mempunyai rangkaian (*networking*).

"Apa saja kemusykilan guru-guru boleh merujuk ke PSB kerana pusat ini merupakan sebuah pusat yang autoritatif," ujarnya lagi.

Sejurus selepas taklimat, rombongan dibawa melawat ke perpustakaan dan Galeri Pameran.



SEBAHAGIAN guru yang menyertai sesi lawatan ke PSB.



MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-Mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmatnya kita masih lagi diberi nikmat untuk terus hidup di dunia ini. Dengan nikmat umur yang panjang ini kita berkesempatan berada di Tahun Baharu 1438 Hijrah.

Awal Tahun Hijrah telah disambut dengan bacaan Doa Akhir Tahun dan disusuli pula dengan bacaan Doa Awal Tahun Baharu Hijrah. Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah

Berhijrahlah dari tidak baik kepada lebih baik

bukan hanya satu acara rutin disambut oleh negara pada setiap tahun, akan tetapi ia adalah permulaan keazaman kita untuk membuat perubahan kepada yang lebih baik, serta sentiasa bertaubat dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta mencari redha-Nya dalam apa saja yang kita lakukan. Oleh itu, sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala kita hendaklah sentiasa berusaha mempertingkatkan amal ibadah agar menjadi hamba yang dikasihi dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam menggalakkan umatnya untuk berhijrah dari yang tidak baik kepada yang baik dan dari yang baik kepada yang lebih baik. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah membuktikan melalui hijrah agung Baginda dengan meninggalkan kota Mekah bumi kelahiran Baginda sendiri menuju ke kota Madinah demi menegakkan syiar Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At Taubah, ayat 20 :

Tafsirnya : "Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah."

Cuba kita renung peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dari Mekah Al-Mukaramah ke Madinah Al-Munawwarah yang telah membuka lembaran sejarah yang paling agung, bukan sahaja dalam perkembangan agama Islam, tetapi juga pada tamadun manusia keseluruhannya. Kerana dengan adanya hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka terbentuklah negara Islam pertama di Madinah

yang melahirkan satu umat yang bersatu padu, bersaudara, dihormati dan menjadi contoh bahkan dapat melahirkan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyatnya secara adil dan saksama. Sementara dari segi muamalat (jual beli) pula, amalan riba, penipuan dan kezaliman telah diharamkan. Segala kegiatan ekonomi yang halal dan bertepatan dengan ajaran Islam dalam perdagangan pula adalah digalakkan.

Peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah banyak memberikan pengajaran yang amat berharga dan ia adalah warisan yang tidak ternilai harganya untuk umat Islam dalam usaha melahirkan *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*, iaitu negara aman makmur dan mendapat keampunan serta pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara pengajaran yang dapat diambil dari peristiwa tersebut ialah kesabaran dan ketekunan hati mempertahankan cita-cita. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menunjukkan contoh bagaimana seharusnya kaum Muslimin mempertahankan cita-cita dan menegakkan dakwah Islamiah. Walaupun mengalami kesulitan, tetapi tetap mempertahankan keyakinan, akidah dan pendirian.

Biar pun hijrah bersama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah pun berakhir, namun tuntutan Hijrah dalam konteks meninggalkan segala perkara yang dilarang dan menuju keredaan Allah tetapi berkekalan sehingga hari kiamat. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Daripada Muawiyah katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bersabda : Hijrah tidak akan berakhir sehingga peluang bertaubat tidak berakhir sehingga matahari terbit dari sebelah barat."

Maka bersempena awal tahun Hijrah ini, marilah kita laksanakan Hijrah dalam bentuk meninggalkan larangan-larangan Allah Subhanahu Wata'ala dan memperkasakan diri kita selaku makmum sejati agar tidak mudah tunduk dengan hawa nafsu dan hasutan syaitan yang sentiasa tidak berputus asa menyesatkan kita. Tanpa muhasabah dan muhajah dari kita pasti kita akan cenderung untuk mengulangi kesalahan yang lalu. Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan membuat hijrah ke arah yang lebih baik, mudah-mudahan dengan demikian kita dapat berkerjasama untuk membangun bangsa, agama dan negara dengan petunjuk dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah An Nisaa' ayat 100 :

Tafsirnya : "Dan siapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati dalam perjalanannya, maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah, dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

Warga Filipina peroleh hidayah Islam

30 peserta ke Peringkat Suku Akhir Musabagah Al-Quran

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Misle bin Haji Abdul Karim (kanan) menyampaikan hadiah kepada johan qari DBM Zon III, Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim.

BERAKAS, Rabu, 5 Oktober. - Seramai 65 peserta qari dan qariah telah menyertai Pertandingan Musabagah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Zon dan Daerah bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) 1438 / 2016 yang diadakan di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, di sini.

Pertandingan yang dikendalikan oleh Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid DBM

dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah ini disertai oleh seramai 55 peserta lelaki dan 10 peserta perempuan.

Di samping itu, pertandingan diadakan untuk memilih wakil peserta pertandingan qari dan qariah yang memperoleh markah 75 peratus ke atas bagi mewakili DBM sekali gus melayakkan mereka untuk menyertai peringkat seterusnya iaitu Peringkat Suku Akhir Kebangsaan yang akan

diadakan nanti.

Sehubungan itu, majlis penutup musabagah berkenaan yang dihadiri oleh Pemangku Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim selaku tetamu kehormat majlis yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Pada majlis tersebut, seramai 27 wakil peserta lelaki dan tiga wakil peserta perempuan telah diumumkan dan terpilih bertanding ke Peringkat Suku Akhir Kebangsaan nanti, yang mana antaranya terdiri daripada johan qari dan qariah bagi setiap zon tertentu.

Antara johan qari dan qariah bagi setiap kategori mengikut zon ialah Bahagian Lelaki DBM Zon I dan II jatuh kepada Awang Haji Mohd. Albi bin Haji Ibrahim, Bahagian Lelaki DBM Zon III dijuarai oleh Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim, manakala johan Bahagian Perempuan Zon I dan II disandang oleh Dayang Husna binti Basuri dan Bahagian Perempuan Zon III dijuarai oleh Dayang Nur Aqillah binti Pengiran Haji Ayub.

Pertandingan yang dianjurkan ini juga merupakan galakan untuk menarik minat orang ramai dalam meningkatkan mutu bacaan Al-Quran, selain sebagai pendorong kepada mereka yang berbakat di dalam seni pembacaan Al-Quran agar dapat mengasah bakat yang ada melalui pertandingan membaca Al-Quran seumpama ini.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Oktober. - Seorang wanita berbangsa Filipina telah memperoleh hidayah agama Islam dan tertambat hati untuk memeluk agama Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu.

Nerisa Terante Valenzuela telah melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengakuan pengislaman di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah, Daerah Brunei dan Muara berlangsung di rumah kediaman Awang Harun bin Haji Ibrahim di Kampung Jangsak.

Nerisa Terante Valenzuela, 30, telah memilih nama Islamnya sebagai Dayang Marissa Adriana binti Abdullah.

Majlis tersebut turut diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baharu yang diraikan.

Dayang Marissa Adriana ketika ditemui Pelita Brunei berasa terharu dan bersyukur ke hadirat Allah

Subhanahu Wata'ala kerana Majlis Pengislamannya berjalan dengan lancar dan sempurna.

"Keinginan dan niat untuk menganuti agama Islam ini sebenarnya sudah lama saya pendamkan dan baru kini ia tercapai, saya berhasrat untuk terus mendalami agama Islam ini dengan mempelajari pelbagai bidang termasuk sembahyang dan sebagainya," jelasnya yang sudah dua tahun menetap dan bekerja di Negara Brunei Darussalam.

Kesempurnaan ajaran Islam yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala banyak menarik minat penganut agama lain untuk memeluk dan menganuti agama suci ini sebagai pegangan hidup mereka.

Ini terbukti dengan catatan keramaian saudara baharu yang memeluk agama Islam di seluruh negara dari bulan Januari hingga bulan Ogos 2016 berjumlah 341 orang.



DAYANG Marissa Adriana binti Abdullah (kiri) ketika melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengakuan pengislaman di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah, Daerah Brunei dan Muara.

Memupuk keperibadian melalui bacaan Al-Quran

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Oktober. - Pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Mohd. Wafii Syafiq bin Haji Mosliadi dan Dayang Nur Afifah binti Haji Zaini dari Sekolah Rendah Dato Ratna Haji Mohd. Jaafar Kiarong masing-masing muncul johan peserta lelaki dan perempuan pada Pertandingan Akhir Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Pendidikan Swasta Senegara Kali Ke-27 Tahun 1438 Hijrah / 2016 Masihi.

Naib johan pula masing-masing disandang oleh Muhammad Bazli Taib bin Awang Mahmud dari Sekolah St. Andrew dan Dayang Nur Ameerah Aleesya binti Awang Roshahleh zam dari Sekolah Rendah Sinaut.

Manakala tempat ketiga diraih oleh Awangku Md. Aqiel Fauzan bin Pengiran Haji Ismail dari Sekolah Rendah Tungku dan Dayang Iman Al Humaira binti Haji Emrah Ahmad Abdus-Salam dari Sekolah Al-Falaah. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah pada majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah YSHHB ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Seramai 18 orang peserta terdiri dari sembilan orang pelajar lelaki dan sembilan pelajar perempuan mengikuti pertandingan akhir ini yang mewakili daerah dan kawasan masing-masing.

Bagi pertandingan kali ini, para peserta lelaki telah mendengarkan hafazan masing-masing bagi surah-surah Al-A'la, Asy-Syams dan Al-Lail manakala peserta perempuan pula

menghafaz surah At-Tariq, Al-Balad dan Ad-Duha dan surah tambahan Al-Buruj.

Pertandingan merupakan sebahagian daripada kegiatan tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan sejak tahun 1988 melalui Kegiatan Unit Rohani.

Antara tujuan pertandingan ialah bagi memupuk dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman beragama dengan menghayati bacaan ayat-ayat suci Al-Quran selain melibatkan penyertaan murid-murid dalam kegiatan yang bercorak keagamaan di samping mengasuh bakat dan kebolehan mereka di bidang pembacaan menghafaz ayat-ayat lazim.

Selain itu, ia juga bagi mendidik murid-murid dengan menanamkan semangat cintakan Al-Quran ketika

mereka masih di dalam persekolahan serta menjadikan membaca Al-Quran sebagai suatu budaya yang wajib diutamakan kepada murid-murid di Negara Brunei Darussalam serta mendokong konsep falsafah Melayu Islam Beraja.

Terdahulu, Pemangku Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Awang Alimas bin Haji Md. Ali dalam ucapannya berkata, pertandingan seumpama ini adalah salah satu usaha yang murni ke arah memantapkan lagi penerapan nilai-nilai Islam dalam sistem pendidikan atau persekolahan, apatah lagi pada zaman moden dan canggih, dunia tanpa sempadan, laman sosial yang meluas dengan pengaruh media masa yang tiada hadnya yang pada bila-bila masa amat mudah mempengaruhi pelajar-pelajar.

Menurutnya, jika amalan membaca Al-Quran ini diterapkan semenjak awal lagi kepada para pelajar sebagai amalan cara hidup pastinya mereka akan mempunyai keperibadian dan akhlak yang mulia dan terpuji.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail (kanan) menyampaikan hadiah kepada johan Kategori Lelaki, Awang Abdul Wafii Sayfiq bin Haji Moliadi dari Sekolah Rendah Yayasan.

"Mudah-mudahan peraduan seperti ini akan dapat memupuk keperibadian membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar kita," ujarnya.



PARA peserta Pertandingan Akhir Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan dan Pendidikan Swasta Negara Kali Ke-27 dalam sesi bergambar ramai bersama Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Majlis Khatam raikan pelajar sekolah agama

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Oktober. - Seramai 40 murid Darjah VI Sekolah Agama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Kampung Setia yang terdiri daripada 25 lelaki dan 15 perempuan menyertai Majlis Khatam Al-Quran sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Bahagian Sekolah Agama, Jabatan Pengajian Islam, Dayang Hajah Sinega binti Haji Swadi yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai bagi memulakan majlis.

Majlis disusuli dengan bacaan surah-surah daripada para peserta khatam dimulai dari Surah Ad-Dhuha sehingga Al-Lahab diikuti kemudian dengan bacaan Takhtim oleh guru-guru dan murid perempuan

Darjah III, IV dan V.

Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Mohd. Wazien bin Haji Mahadini manakala Awang Mohd. Bungsu membacakan Doa Selamat.

Acara juga diteruskan dengan menabur bunga rampai kepada para peserta khatam oleh tetamu kehormat diikuti oleh ibu bapa dan penjaga yang hadir.

Majlis turut diserikan dengan persembahan dikir yang dibawakan oleh para guru dan murid lelaki Darjah IV dan V.

Salah seorang peserta khatam, Md. Ainul Safwan bin Haji Awang Bini ketika ditemui merasa gembira kerana berpeluang menjadi salah seorang peserta untuk menghabiskan bacaan 30 juz kitab suci Al-Quran pada tahun akhirnya di sekolah itu.

Beliau berazam untuk meneruskan pembacaan Al-Quran pada bila-bila masa terutama dalam memperhalusi bacaan dan mengharapkan ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

MURID-MURID Darjah Enam Sekolah Agama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Kampung Setia membaca surah-surah lazim pada majlis khatam tersebut.

Jadilah pencetus idea besar

Oleh : Norliah Md. Zain

PADA menuju Wawasan Brunei 2035 yang kurang dari 19 tahun dari sekarang, kita perlu bergerak ke arah perubahan-perubahan dalam pelbagai bidang tanpa berpeluk tubuh dan berlengah-lengah. Semua aspek perlu diambil kira demi kepentingan masa depan negara.

Antara golongan yang diharapkan untuk menerajui masa depan negara ialah para pelajar dan penuntut sekolah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Malaysia pada 4 Oktober 2016 telah bertitah menggesa agar para pelajar dan penuntut untuk menjadi pencetus kepada idea-idea besar dan memiliki bakat dan aspirasi global. Inilah sifat pelajar yang diharapkan daripada pelajar-pelajar yang merupakan calon pemimpin yang akan mengemudi negara pada masa hadapan.

Bagi mempersiapkan pelajar di negara ini untuk mengemudi negara pada masa hadapan sebagaimana aspirasi raja kitani, negara juga telah melabur sejumlah peruntukan yang banyak untuk meningkatkan kualiti pendidikan saban tahun.

Dalam Wawasan Brunei 2035, kita adalah berhasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya diukur melalui piawaian tertinggi antarabangsa; kualiti kehidupan yang tinggi dalam kalangan 10 negara teratas dunia; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan di antara 10 negara teratas dari segi pendapatan per kapita.

Strategi pendidikan merupakan antara salah satu strategi yang dikenal pasti penting bagi pencapaian terhadap tiga matlamat utama tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah sempena Hari Guru menjelaskan, kualiti pendidikan boleh dicapai melalui pendekatan *whole of nation*, serta boleh diukur menerusi beberapa Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan yang telah dikenal pasti di bawah Strategi Pendidikan Wawasan Brunei 2035 iaitu : Peratus guru-guru yang berkelayakan dan berkualiti tinggi; Peratus institusi pendidikan yang

berada di bawah tahap minima mengikut standard institusi pendidikan; Peratus pelajar Tahun 1 dan Tahun 3 yang berada di tahap minima literasi dan numerasi; Peratus lulus dalam BCGCE Peringkat 'O' dengan 5 'O' Levels dan ke atas; Kemasukan ke pasca menengah dan Kadar Pengijazahan (Pengajian Tinggi dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional).

Selain itu, baginda dalam titah turut menyambut baik inisiatif Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan Program Literasi dan Numerasi pada peringkat awal persekolahan lagi. Ini akan membantu para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran mereka pada peringkat seterusnya.

Sehubungan dengan ini, sokongan pelbagai pihak adalah diperlukan untuk sama-sama memastikan bahawa anak-anak bangsa kita akan menjadi rakyat yang berpendidikan dan kemahiran tinggi. Di sini, peranan para ibu bapa adalah satu faktor utama.

Sistem pendidikan hendaklah sentiasa relevan ujar baginda, dan baginda gembira mengetahui bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil langkah positif dalam memastikan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) benar-benar dapat memberi inspirasi ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.


"Beta berpendapat, SPN21 mestilah bersifat lebih besar dan berfungsi secara bersepadu dengan perancangan-perancangan negara. Ini penting, kerana teras kepada Pelan Pembangunan Negara adalah pendidikan," titah baginda.

Baginda juga amat gembira apabila mengetahui, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dan terus bekerjasama dengan Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri dalam memfokus beberapa bidang utama bagi membantu pencapaian pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah. Semoga usaha sama ini akan membuahkan hasil yang memuaskan.

Begitulah tingginya nilai pendidikan terhadap diri individu, masyarakat dan negara sehingga ia dianggap sebagai teras kepada pembangunan negara.

GURU EJEN PELAKSANA

Sempena Hari Guru 2016, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah bahawa sebagai ejen pelaksana pendidikan, guru adalah



PARA pelajar dan penuntut digesa untuk menjadi pencetus kepada idea-idea besar dan memiliki bakat dan aspirasi global.

dituntut untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan pemikiran bernas. Peranan guru adalah sejajar dengan keperluan negara dan hasrat kita manusia. Apa pun zaman, faktor ini adalah sama. Kerana itu, penyediaan dan peningkatan guru-guru perlulah dilihat dari aspek ini.

Baginda bertitah, para guru adalah penyumbang kepada kualiti pendidikan dan pemangkin kepada produktiviti tenaga sumber manusia Negara Brunei Darussalam.

Dayang Hajah Ardinah binti Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman iaitu mantan Penolong Pengarah Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah ketika ditemu bual berpendapat, pada merealisasikan Wawasan Brunei 2035, guru-guru perlu berpandangan jauh dan keluar dari zon selesa serta bersedia untuk mendepani apa jua cabaran mendatang.

"Zaman papan hitam dan kapur sudah berlalu, oleh itu, guru-guru perlu mendahului zamannya dalam berfikir dan bertindak," ujar Dayang Hajah Ardinah.

Sementara pelajar pula kata beliau, hendaklah mengambil peluang yang ada dengan semangat jitu dan belajarlal hingga ke peringkat tertinggi selagi mampu kerana dengan ilmu, kita akan berjaya walaupun apa pun bidang yang diceburi.

Tambahnya, SPN21 adalah amat holistik dan memenuhi keperluan pelajar yang berbeza-beza. Satu sistem yang membuka multi pathways mengikut kemampuan

pelajar justeru sepatutnya tidak ada pelajar yang terpinggir.

Sementara Dayang Hajah Aisah binti Haji Sahdan, mantan Timbalan Pengetua STPRI pula berpandangan bahawa SPN21 merupakan platform bagi pelajar untuk menerokai bidang-bidang baharu pada masa akan datang, kerana dalam SPN21 kebolehan serta kecenderungan pelajar dinilai sejak di peringkat awal dan kebolehan / kemahiran mereka dapat digilap apabila mereka berada di peringkat menengah dan seterusnya di peringkat tinggi. Ini bertujuan untuk membuka ruang yang lebih luas kepada pelajar untuk menimba ilmu serta kemahiran apabila mereka berada di luar nanti.

Beliau turut menasihatkan agar para pelajar jangan hanya berpuas hati dengan kelulusan yang diperolehi untuk tujuan menjawab jawatan tinggi semata-mata, hendaklah membuka minda untuk meneroka bidang-bidang baharu serta meningkatkan kemahiran sesuai dengan keperluan negara.

Bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, seorang pendidik katanya, harus memiliki sikap terbuka menerima perubahan terkini terutama sekali yang berhubung kait dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran penuntut.

Sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang bersesuaian dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan pelajar di samping berusaha merebut peluang yang ada untuk meningkatkan diri baik dari segi pengetahuan juga kemahiran.

MIB JANGAN DILUPAKAN

Kebawah DYMM ketika bertitah sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Malaysia pada 4 Oktober 2016 menekankan bahawa para pelajar hendaklah bijak memilih dan menilai, yang mana pilihan terbaik bagi para pelajar adalah untuk menjadi 'siswazah patriotik' yang memerlukan azam dan pendekatan yang mantap.

Di samping itu, landasan yang dipilih juga haruslah yang betul. Landasan itu ialah acuan ataupun calak yang hendak dipakai tegas baginda lagi.

Bagi orang-orang Brunei titah baginda, calak atau acuan itu ialah MIB. Acuan ini hendaklah digunakan di dalam kehidupan di mana saja dan jangan ia ditukar ganti dengan yang lain-lain.

Sebagai contohnya, dalam bidang budaya, tidaklah salah untuk mengenali dan mengetahui budaya orang lain kerana ia juga adalah salah satu cabang ilmu, tetapi bukanlah untuk memakainya. Ada pun yang dipakai adalah acuan MIB.

Perkara yang sama juga di dalam ugama dan amalan beragama titah baginda. Kita boleh saja melihat dan mengetahui cara-cara orang lain mengamalkan ugama tetapi bagi orang Brunei cara beragama itu hendaklah dirujuk kepada acuan kita iaitu MIB, yang telah menentukan ugama itu sebagai 'Ugama Islam menurut aliran Ahli Sunnah Waljamaah'.

Tambah baginda, perkara ini amatlah penting untuk para penuntut mengetahuinya agar tidak mudah terpengaruh kepada perkara-perkara yang tidak diinginkan. Pengaruh-pengaruh seperti ini bukan sahaja akan merugikan diri pelajar itu sendiri bahkan boleh sahaja menjejaskan negara.

Selaku rakyat dan penduduk kita mestilah menyanjung tinggi dan menaati peringatan baginda itu. Walaupun kita sibuk mengejar kemajuan bagi negara kita, tetapi biarlah kita berdiri teguh dengan cara kita yang tersendiri tanpa perlu terikut-ikut dengan budaya orang lain yang belum tentu bersesuaian dengan negara kita. Biarlah kita maju ke hadapan tanpa mengetepikan nilai-nilai estetika kita yang sudah kita warisi sejak zaman-berzaman.



DAYANG Hajah Ardinah binti Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman, iaitu mantan Penolong Pengarah Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah (tujuh, kanan) berpendapat, guru-guru perlu berpandangan jauh dan keluar dari zon selesa.



DAYANG Hajah Aisah binti Haji Sahdan, mantan Timbalan Pengetua STPRI (lima, kiri) berpendapat, pelajar hendaklah meneroka bidang-bidang baharu serta meningkatkan kemahiran sesuai dengan keperluan negara.

Delegasi negara sertai AY-REPSE di Bangkok, Thailand

Berita dan Foto :
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman



SERAMAI tujuh ahli delegasi negara telah bertolak ke Bangkok, Thailand bagi mengikuti Program Perwakilan Belia ASEAN bagi menimba ilmu dalam Falsafah Ekonomi Sara Diri (The ASEAN Youth Representatives in Experiencing The Philosophy of Sufficiency Economy AY-REPSE, 2016) yang diadakan selama 14 hari mulai 4 hingga 17 Oktober 2016. Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlayar ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad (empat, kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Oktober. - Delegasi negara seramai tujuh orang berlepas ke Bangkok, Thailand hari ini bagi mengikuti program 'Perwakilan Belia ASEAN untuk menimba ilmu dalam Falsafah Ekonomi Sara Diri' (The ASEAN Youth Representatives in Experiencing The Philosophy of Sufficiency Economy - AY-REPSE, 2016) yang diadakan selama 14 hari mulai 4 hingga 17 Oktober 2016.

Perwakilan belia yang menyertai program tersebut terdiri daripada

pegawai kerajaan, mahasiswa Universiti Brunei Darussalam dan persatuan-persatuan belia di negara ini yang diketuai oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku ketua rombongan.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada delegasi itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

Antara objektif program ialah untuk meningkatkan dan mengukuhkan persefahaman mengenai inisiatif Kerajaan Thailand untuk wakil-wakil belia ASEAN dan untuk menggalakkan pembelajaran dan menggunakan inisiatif Kerajaan Thailand sebagai panduan untuk semua peringkat dan seterusnya membawa kepada pamanbangunan mampan bersepadu di setiap negara ASEAN.

Menurut ketua rombongan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah, antara pengisian program tersebut ialah para belia akan dibawa melawat ke pusat-pusat pengajian dan institusi kerajaan di empat buah daerah di Thailand iaitu Bangkok, Chiang Mai, Sakon Nakhon dan Chanthaburi, di samping mengadakan aktiviti kemasyarakatan dan menghadiri kuliah.

Melalui program tersebut jelasnya, mereka berhasrat untuk menimba ilmu dan mempelajari program sara diri yang dilaksanakan di Thailand dan seterusnya akan mengongsikannya dengan belia-belia di Brunei dan menjadikan Thailand sebagai *case study*.

Jelasnya, apa jua kaedah yang dipelajari semasa menjalani program ini nanti akan dapat diguna pakai di negara kita mengikut kesesuaiannya nanti.

Sementara itu, wakil-wakil belia yang terpilih mengikuti program ini tambahnya mempunyai latar belakang pendidikan yang bersesuaian dengan program tersebut dan melalui pemilihan di mana mereka antara belia yang aktif dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan dan perekonomian serta keusahawanan.

Semasa penghujung program itu nanti jelasnya, peserta-peserta juga akan membentangkan laporan negara masing-masing dan apa yang mereka dapat perolehi daripada lawatan-lawatan dan program berkenaan.

Salah seorang wakil delegasi, iaitu Ahli jawatankuasa Eksekutif Majlis Aids Brunei Darussalam (BDAC), Awangku Haji Ahmad

Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin pula menjelaskan, apa yang mereka harap daripada program itu nanti ialah bagaimana kaedah-kaedah yang dilaksanakan di Thailand dapat memupuk keusahawanan di Kampung-kampung terutamanya bagi 'Satu Kampung Satu Produk'.

Memandangkan program ini menumpukan kepada sara diri tambahnya, justeru itu ia adalah satu yang sangat penting bagi kita di Negara Brunei Darussalam dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

"Program ini adalah suatu yang sangat mustahak bagi kami untuk dipelajari dan dibawa balik ke tanah air dan ianya juga satu peluang bagi kami untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai konsep sara diri dan bagaimana kita dapat melaksanakannya dengan sempurna," ujarnya.

Menurutnya, rombongan juga membawa bersama beberapa produk 'Satu Kampung Satu Produk', iaitu Minyak Kelapa Dara, madu kelulut serta hasil kraftangan untuk dipamerkan di sana nanti dan mengongsikan bagaimana produk berkenaan berjaya memperkasa ekonomi dan keusahawanan penduduk sesebuah kampung di negara ini.

Dengan perkongsian bersama rakan-rakan dari ASEAN ini, beliau percaya ia akan dapat memberikan mereka idea mengenai apa yang Negara Brunei Darussalam telah laksanakan sebagai usahanya bagi ekonomi sara diri dan memperkasa perusahaan kampung.

Karnival Maritah ke LLRC, 5 hingga 9 Oktober 2016



PENGHULU Mukim Liang, Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Momin (tengah) merasmikan Karnival Maritah Ke Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC) Siri Ke-7.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

LUMUT, Rabu, 5 Oktober. - Sebanyak 66 petak gerai jual-jualan termasuk tiga institusi di bawah Mukim Liang Lumut menyertai Karnival Maritah Ke Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC) Siri Ke-7 yang dibuka rasmi, di sini.

Karnival yang berlangsung di LLRC itu telah dirasmikan oleh Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Momin.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Haji Abd. Hamid melahirkan rasa gembira dengan sambutan yang diberikan oleh peserta-peserta gerai dan berpuas hati dengan pengurusan serta kerja kakitangan LLRC yang telah bekerja keras dalam menjayakan

karnival tersebut.

Sejak penubuhan LLRC pada tahun 2004 jelasnya, pelbagai inisiatif dan rancangan telah pun diatur dan dilaksanakan selaras dengan misi dan visi LLRC khasnya dalam penglibatan dengan masyarakat setempat dan orang ramai.

Di samping itu tambahnya, LLRC juga telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam memastikan LLRC masih lagi relevan terutamanya dalam menarik minat masyarakat dan orang ramai mengunjungi serta menggunakan kemudahan yang terdapat di sini.

Tambahnya, sokongan daripada

pihak kerajaan dan bukan kerajaan di pelbagai peringkat, masyarakat setempat serta orang ramai selama ini terus menjadi pemangkin untuk LLRC lebih giat dalam merencanakan kegiatan serta kemudahan yang boleh digunakan oleh masyarakat.

Karnival Maritah ke LLRC Siri Ke-7 merupakan di antara inisiatif LLRC dalam mempelbagaikan kegiatan yang bermanfaat kepada masyarakat dan orang ramai.

Karnival itu juga dapat digunakan sebagai platform bagi pedagang-pedagang bumiputera dan penduduk di sekitar Mukim Liang untuk menengahkan produk jualan mereka serta memberikan *exposure* perniagaan bagi mereka yang berminat.

Pada majlis tersebut, Pelita Brunei telah menemu bual Penyelia Kelab LLRC, selaku Penasihat bagi Pembukaan Rasmi Maritah Ke LLRC Siri Ke-7, Awang Arshad bin Awang Besar yang menjelaskan bahawa acara tersebut akan diadakan selama lima hari bermula dari 5 hingga 9 Oktober 2016.

Antara aktiviti yang disediakan termasuk Permainan Flying Fox, Pameran Aqua iaitu ikan-ikan peliharaan, Pameran Burung-Burung seperti parrot, Pameran Reptilia, Rumah Hantu, Pameran Kucing dari Domestic Cat Lover Brunei, Permainan ATV, Perlumbaan Kereta Tamiya, Face Painting dan acara-acara sampingan seperti persembahan pentas oleh Majlis Perundingan Kampung Sungai Liang selain juara kugiran tahun 80-an, yang akan diadakan pada hari Jumaat, 7 Oktober, jam 8 malam serta persembahan Mukun yang akan diadakan pada hari Sabtu, 8 Oktober.

Menurut beliau, pada tahun ini ada sedikit pembaharuan dari segi perubahan lokasi-lokasi jualan dan juga aktiviti tambahan, aktiviti baharu yang akan diadakan termasuk Perlawatan Fun Tug of War dan juga pertunjukan Maskot Pikachu, Spiderman dan Antman, pihak LLRC juga menyediakan Photobooth untuk orang ramai bergambar bersama maskot-maskot berkenaan.

LLRC jelasnya juga mempromosi tiket kemasukan bagi orang ramai yang mengunjungi dan menggunakan kemudahan Waterpark dan gelanggang futsal di mana kemasukan Waterpark dan dikenakan sebanyak BND1 seorang sementara kemudahan gelanggang futsal pula dikenakan bagi penggunaan selama 1 jam hanya

BND20 sahaja sepanjang lima hari acara diadakan.

Pihak LLRC berharap orang ramai akan dapat memberi kerjasama dan sokongan dalam sama-sama memeriahkan karnival ini dengan membawa keluarga beramai-ramai ke acara yang bermula pada hari ini hingga hari Ahad, 9 Oktober 2016, dibuka dari jam 10 pagi hingga 10 malam.

Hadir sama pada majlis tersebut, Pemangku Ketua Kampung Sungai Liang, Awang Haji Ibrahim bin Datu Maharaja Setia Dian; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi - Executive Committee LLRC, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pengurus-pengurus am syarikat swasta, pengurusan dan kakitangan LLRC.



PENGHULU Mukim Liang, Awang Haji Abd. Hamid menyaksikan pelbagai pameran dan jualan kraf tangan yang dibuat oleh penduduk Mukim Liang pada karnival tersebut.

Kejohanan Badminton Terima Kasih Cikgu

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Oktober. - Pasukan badminton gabungan Sekolah-Sekolah Agama Brunei Muara dan Guru-Guru Agama Kementerian Pendidikan berjaya menjuang Piala Pusingan sumbangan mantan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong pada Kejohanan Badminton Terima Kasih Cikgu Kali Ketiga Sempena Sambutan Hari Guru Ke-26 Tahun 2016.

Perlawanan peringkat akhir yang berlangsung di Dewan Sekolah Sukan menyaksikan perlawanan bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan berentap untuk merebut juara.

Pada perlawanan akhir tersebut, Pasukan Badminton Lelaki gabungan Sekolah-Sekolah Agama Brunei Muara dan Guru-Guru Agama Kementerian Pendidikan menang 3 - 0 ke atas pasukan gabungan Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK) dan Sekolah Sukan (SS), manakala Kategori Perempuan Gabungan JPKK dan SS berjaya meraih mata 2 - 1 setelah menewaskan pasukan dari Swasta (A) sekali gus meletakkan pasukan Swasta (A) sebagai naib juara pada kejohanan berkenaan.

Tempat ketiga Kategori Lelaki pula disandang oleh pasukan gabungan Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei, sementara pasukan Kluster 5 (Menengah) pula memenangi Kategori Perempuan.

Hadir menyaksikan perlawanan peringkat akhir dan seterusnya menyampaikan Piala Pusingan dan hadiah-hadiah kepada para peserta ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (dua, kiri) menyerahkan Piala Pusingan Mantan Menteri Pendidikan kepada juara Kejohanan Badminton Terima Kasih Cikgu Kali Ketiga disandang oleh pasukan gabungan Sekolah-Sekolah Agama Brunei Muara dan Guru-Guru Agama Kementerian Pendidikan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Kejohanan kali ketiga yang diadakan oleh JPKK itu disertai oleh 15 pasukan bagi Kategori Lelaki dan tujuh pasukan bagi Kategori Perempuan dan telah bermula sejak 5 September 2016 lalu.

Kejohanan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan di Kementerian Pendidikan, di samping memberi peluang kepada pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan menampilkan bakat

dan kebolehan masing-masing dalam acara badminton.

Pegawai Pelajaran Kanan JPKK, Jalil bin Pengarah Haji Kapitan semasa ditemui berkata kejohanan ini bertujuan untuk mempelbagaikan lagi kegiatan-kegiatan bagi memeriahkan Sambutan Hari Guru Ke-26 bagi tahun 2016.

Selain itu jelasnya, ia juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan-kakitangan di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Agama di samping mempromosi kesihatan sebagai gaya hidup sihat.

Kontinjen NBD kutip satu pingat gangsa

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hamzah Mohidin

BERAKAS, Selasa, 4 Oktober. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang bertanding di Sukan Pantai Asia Ke-5 di Da Nang, Viet Nam yang berlangsung pada 24 September hingga 3 Oktober lalu telah selamat pulang ke tanah air sambil membawa balik satu pingat gangsa, di sini.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan kontinjen negara ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sejurus ketibaan kontinjen, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan tahniah kepada kontinjen semasa berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Chef de Mission Kontinjen Negara, Awang Kifli bin Haji Jaafar berkata, prestasi pemain tahun ini sangat bagus, yang mana ada di antara pemain baharu pernah menyertai kejohanan tersebut, tetapi dapat memberikan saingan pada beberapa buah negara

seperti Nepal, India dan Indonesia.

"Dalam Acara Trio, para pemain boleh sahaja memasuki peringkat akhir, memandangkan saingan sengit di antara mereka dengan pemain Indonesia, cuma nasib tidak menyebelahi mereka memandangkan ada kesilapan pihak kita dalam memberikan point kepada pihak lawan," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, kesilapan sedemikian harus diperbaiki, namun dari segi

prestasi pemain secara keseluruhan adalah mengagumkan, di mana mereka berlawan sebanyak enam kali dan bermain sebanyak 14 kali setiap hari dengan hanya empat orang pemain.

Atlet-atlet negara telah bertanding dalam sukan sepak takraw bagi Acara Trio Lelaki dan Regu Lelaki, di mana mereka telah berjaya mengutip satu pingat gangsa bagi Acara Trio Lelaki.

Kejohanan kali ini adalah penyertaan negara kali ke-5 pada Sukan Pantai Asia dan penyertaan terakhir Negara Brunei Darussalam pada sukan tersebut adalah pada tahun 2014 di Phuket, Thailand.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (lima, kanan) bergambar ramai bersama kontinjen Negara Brunei Darussalam yang menyertai Sukan Pantai Asia Ke-5 di Da Nang, Viet Nam.

Tahukah Awda

Bandar Brunei ditukar nama menjadi Bandar Seri Begawan pada 4 Oktober 1970 sebagai memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 turun takhta pada 4 Oktober 1967.

Ia mempunyai keluasan 100.36 kilometer persegi dan menempatkan beberapa bangunan bersejarah dan tempat-tempat menarik untuk dilawat seperti Kampong Ayer, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer.

SUMBER : Rencana 'BSB kian maju seiring usianya' Pelita Brunei edisi 3 Oktober 2016 dan 'Daerah Brunei Muara', Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (2010).

Layari Epaper Pelita Brunei



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri


CARTA ALIRAN MEMASUKKAN IKON PINTAS **EPAPER** PELITA BRUNEI KE DALAM 'HOME SCREEN' TELEFON PINTAR AWDA

MULA



MULA

BUKA ATAU KLIK IKON CARIAN SEPERTI BROWSER, GOOGLE CHROME, SAFARI, DAN SEBAGAINYA



TAIP www.pelitabrunei.gov.bn/epelita DI LAYAR WEB



KLIK PUNAT MENU DAN KLIK 'ADD TO HOME SCREEN'



TAMAT

(IKON AKAN MUNCUL DI HOME SCREEN TELEFON PINTAR)

Siaran Akhbar dan Carta : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Epaper Pelita Brunei merupakan surat khabar Pelita Brunei dalam versi digital dan mula beroperasi pada 18 Jun 2016.

Ia boleh dilayari melalui www.pelitabrunei.gov.bn/epelita. Dikemaskinikan setiap tiga kali seminggu, iaitu hari Isnin, Rabu dan Sabtu. Terdapat 24 halaman muka surat dimuatkan ke dalam Epaper tersebut yang boleh dilayari melalui internet sama ada menggunakan komputer, tablet atau telefon pintar dan sebagainya.

Antara ciri-ciri Epaper Pelita Brunei ialah PDF boleh dimuat-turun (dijadikan simpanan arkib, rujukan dan sebagainya dalam telefon pintar atau komputer). Epaper ini juga boleh disaksikan secara 'Thumbnails' (boleh dilihat secara keseluruhan atau paparan kecil kesemua muka surat Pelita Brunei dengan nombor muka suratnya). Epaper ini juga boleh diikuti atau dikongsikan secara aplikasi Facebook, Twitter, Linked In, Tumblr, Google Plus, E-Mail dan VK. Di dalam Epaper ini juga terdapat ruang carian *search* mengenai Epaper Pelita Brunei dengan menggunakan teks tidak kurang dari tiga huruf.

Tujuan Epaper ini adalah untuk memberi kemudahan kepada orang ramai yang tidak memperoleh Pelita Brunei secara bercetak. Oleh kerana itu, Epaper dibuat bagi memudahkan mendapatkan berita terkini dengan menggunakan kemudahan internet secara lebih cepat serta mengurangkan penggunaan kertas.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PELAJAR BERPERANAN JADI PENCETUS IDEA-IDEA BESAR UNTUK ASPIRASI GLOBAL

دريبتكن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Di terbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.